

**Jilid III
Bil. 10**



MALAYSIA

**Hari Isnin
30hb Mac, 1981**

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1133]**

USUL:

Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 [Ruangan 1171]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN
ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan
Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD,
S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J.,
S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE
HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD
GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

” Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI
HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD
RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K.
(Kota Bharu).

” Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J.
(Labis).

” Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., (Ulu Kelantan).

” Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N.
(Batu Berendam).

” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO
SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

” Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J.,
S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG
HUN, D.P.M.P. (Lumut).

” Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG,
D.P.C.M. (Taiping).

” Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN,
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- ” Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- ” Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- ” TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).

- Yang Berhormat TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- ” DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- ” DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- ” TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN AJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).

- Yang Berhormat DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P.
(Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P.(Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH. (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- ” DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- ” TUAN LEE KAW (Kluang).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K.
(Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- ” DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- ” TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P.
(Gerik).
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B.
(Nilam Puri).
- ” TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- ” TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N.,
S.P.D.K.(Kota Belud).
- ” TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH,
D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- ” TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- ” TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- ” TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATO’ HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

- Yang Berhormat TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
 - ” TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
 - ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
 - ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S.(Padawan).
 - ” DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
 - ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 30hb Mac, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PEMAKAIAN TOPI KELEDAR/
TALI KELEDAR—KADAR
KEMATIAN

1. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalanraya telah berkurangan semenjak penguatkuasa pemakaian topi keledar bagi penunggang motosikal dan pemboceng dan pemakaian tali keledar bagi pemandu motokar serta penumpang di hadapan berbanding dengan tempoh masa yang sama sebelum penggunaannya dikuatkuasakan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa kadar kematian terhadap penunggang dan penumpang motosikal dan pemandu dan penumpang hadapan kereta telah berkurangan semenjak undang-undang topi keledar dan undang-undang tali pinggang keledar dilaksanakan.

(a) Sebagaimana contoh dalam tahun 1974 iaitu sebelum undang-undang topi keledar dikuatkuasakan kadar kematian penunggang dan penumpang motosikal bagi tiap-tiap 10,000 motosikal yang didaftarkan ialah 13. Kadar ini terus berkurangan setiap tahun apabila undang-undang tersebut dikuatkuasakan secara berperingkat di Semenanjung Malaysia mulai pada

15hb Februari, 1975. Kadar kematian dalam tahun 1979 ialah 6.5 dan ini menunjukkan peratus kematian telah berkurangan sebanyak kira-kira 50% setelah undang-undang dikuatkuasakan.

(b) Pelaksanaan undang-undang tali pinggang keledar juga telah memberi kesan yang positif. Dalam tempoh bulan Julai hingga November 1978 iaitu sebelum penguatkuasaan undang-undang tersebut terdapat 205 kematian dan 397 kecederaan parah bagi pemandu dan penumpang hadapan kereta.

Dalam tempoh yang sama tahun 1979 iaitu selepas undang-undang dikuatkuasakan terdapat 167 kematian dan 330 kecederaan parah manakala dalam tempoh yang sama tahun 1980 pula terdapat 140 kematian dan 338 kecederaan parah. Ini menunjukkan bahawa perlaksanaan undang-undang ini telah dapat mengurangkan kematian dan kecederaan parah bagi kategori pengguna yang berkenaan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan pemakaian tali keledar bagi pemandu motokar serta penumpang di hadapan cuma dapat menyelamatkan apakala kemalangan berlaku terantuk kepada cermin atau terantuk ke hadapan sahaja. Tetapi adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bahayanya lebih apakala kereta tersebut termasuk di dalam gaung, sungai atau terbakar; pada masa itu fikiran buntu (panic) dengan badan terikat dan tidak sempat membukanya dan nyawa tidak dapat diselamatkan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kes-kes yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat barangkali tidak

timbul sebab tali pinggang keledar senang sekali dilepaskan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pelaksanaan undang-undang tali pinggang keledar adalah untuk keselamatan pemandu-pemandu kereta. Tetapi di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa pelaksanaan undang-undang ini ada membawa kesusahan kepada para pemandu teksi; dan jika beliau sedar, saya suka mendapat tahu sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengecualikan pemandu teksi dalam bandar dari memakai tali pinggang keledar.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan ini luar daripada soalan asal.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, undang-undang mewajibkan memakai topi keledar di negara kita di tempat-tempat yang tertentu. Jadi, saya ingin tahu sama ada benar ura-ura Kementerian hendak mewajibkan topi keledar ini kepada seluruh negara, tidak dalam bandar sahaja.

Soalan yang kedua, kalau sekiranya ada, adakah bekalan bagi topi keledar ini mencukupi nanti apabila undang-undang ini dilaksanakan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa Undang-undang yang dikuatkuasakan ini meliputi jalan-jalan di luar bandar iaitu jalan-jalan Persekutuan. Seperti Ahli Yang Berhormat sebutkan memang benar Kerajaan bercadang mulai daripada 1hb Jun untuk meluaskan Undang-undang itu kepada seluruh Semenanjung Malaysia. Pada masa ini Undang-undang meliputi lebih kurang 70% jalan-jalan di Semenanjung Malaysia. Apabila Undang-undang ini diluaskan pada 1hb Jun, 100% jalan akan digezetkan untuk penggunaan topi keledar. Ini bermakna semua jalan-jalan Kerajaan iaitu jalan-jalan yang ditarkan ialah jalan yang akan digezetkan. Yang akan dikecualikan ialah jalan-jalan persendirian di mana orang awam

tidak dapat access kepada jalan-jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari.....

Dr Goh Cheng Teik: Minta Maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Apa lagi tambahannya!

Dr Goh Cheng Teik: Berkenaan dengan bekalan topi keledar, Kerajaan telah diberi jaminan oleh manufacturer yang berkenaan bahawa bekalan adalah memuaskan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Kerajaan sendiri ada menjalankan penyelidikan supaya menentukan topi keledar dan tali pinggang keledar ini sesuai untuk kegunaan pemandu-pemandu kita. Jika ada, adakah kemungkinan alat yang digunakan buat sementara ini boleh diperbaiki oleh kerana saya dapati orang-orang yang memakai topi keledar itu kedengarannya boleh menjejaskan dan ini boleh membahayakan dirinya dan orang-orang lain.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, semua talipinggang keledar dan topi keledar yang dipakai mestilah disahkan oleh SIRIM dan standardnya semua diluluskan oleh SIRIM.

SYARIKAT MEMPROSES GULA— SAHAM KERAJAAN

2. **Dato'Hishamuddin bin Haji Yahaya** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan peraturan saham Kerajaan di dalam syarikat-syarikat memproses gula di negara ini dan berapakah jumlah subsidi yang diberikan oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat ini di dalam tahun 1979 dan 1980.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum terdapat lima buah syarikat memproses gula di negara ini di mana 3 darinya adalah syarikat gula 'disatukan' (Integrated Sugar Complex). Jumlah saham-saham yang dipegang oleh

Kerajaan dan Badan-badan Kerajaan dalam syarikat-syarikat memproses gula yang beroperasi adalah seperti berikut:

- (i) Syarikat-syarikat gula 'disatukan' lebih kurang = \$41.4 juta;
- (ii) Syarikat-syarikat gula yang lain lebih kurang = \$3.05 juta.

Sukacita saya maklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa jumlah ini adalah lebih kurang 31% dari jumlah modal dibayar untuk kelima-lima syarikat gula yang ada di negara ini iaitu sebanyak \$142.4 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak memberi apa-apa subsidi secara langsung kepada syarikat-syarikat yang memproses gula, tetapi bantuan diberi kepada syarikat-syarikat ini melalui pengecualian cukai import dan duti eksais kepada gula mentah yang diimport. Untuk tahun 1979 pengecualian cukai import berjumlah \$70 juta manakala untuk tahun 1980 ialah \$57 juta. Pengecualian duti eksais ialah \$67 juta untuk tahun 1979 dan \$98 juta untuk tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mohd Nakhaie bin Haji Ahmad.

(Soalan No. 3 Yang Berhormat Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Lee Boon Peng.

(Soalan No. 4 Yang Berhormat Dato Lee Boon Peng tidak hadir)

T.V. DI KAPIT

5. Tuan Sibat Miut anak Tagong minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tayangan gambar di T.V. di Kapit sangat tidak memuaskan dan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa penerimaan rancangan TV di kawasan Kapit pada masa ini adalah tidak memuaskan. Bagi mengatasi masalah ini, saya suka menerangkan bahawa Kementerian Penerangan sedang mengambil tindakan bagi

membina suatu alat transmitter TV bagi kawasan Kapit yang menelan belanja sebanyak \$1.2 juta. Pembelian alat transmitter ini telahpun dibuat dan pihak Jabatan Telekom sedang mengambil langkah untuk memasangkannya dengan seberapa segera. Adalah dijangka penduduk-penduduk di kawasan Kapit akan dapat menerima siaran TV Malaysia dengan sempurna secepat-cepatnya pada pertengahan tahun ini dan selewat-lewatnya pada penghujung tahun ini.

Tuan Chieng Tiong Kai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin meminta Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, bilakah rangkaian kedua TV Malaysia akan diperluaskan ke Sabah dan ke Sarawak.

Dato Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah katakan bahawa secepat-cepatnya rangkaian kedua TV Malaysia ini akan dibawa ke Sabah dan Sarawak pada tahun hadapan kalau segala urusan mengenai perkara ini dapat diselesaikan dengan seberapa segera.

PEMERIKSAAN PILI BOMBA

6. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil sehingga sekarang untuk memeriksa paip air bomba di seluruh negara bagi memastikan bahawa ianya berada dalam keadaan baik, mudah didekati dan digunakan; berapakah buah paip air bomba setakat ini yang telah diperiksa dan berapa pula yang didapati tidak boleh digunakan dan tidak mudah didekati.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, pemeriksaan pili-pili bomba adalah satu-satunya tugas biasa yang diselenggarakan oleh semua Balai-balai Bomba dari masa ke semasa bagi memastikan bahawa paip air bomba itu berada dalam keadaan baik, mudah didekati dan senang digunakan. Setakat ini sebanyak 26,004 pili-pili bomba telah diperiksa di seluruh Semenanjung Malaysia dan 1,648

buah pili bomba didapati tidak boleh digunakan. Kerosakan tersebut telahpun dimaklumkan kepada pihak Jabatan Kerja Air di daerah masing-masing untuk diperbaiki.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa satu masalah yang sentiasa timbul dalam memadamkan api ialah tekanan air paip bomba itu tidak begitu cukup dan sekiranya beliau sedar, saya suka mendapat tahu apakah tindakan yang sentiasa diambil untuk menentukan bahawa ada hubungan yang erat di antara Jabatan Kerja Air dengan Pasukan Bomba.

Yang kedua, sungguhpun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa paip-paip air bomba sentiasa diselenggarakan oleh Balai Bomba, tetapi adakah beliau tahu bahawa kadangkala paip bomba sentiasa dihalang oleh pasir dan kayu di tempat-tempat pembinaan dan jika beliau sedar saya suka tahu apakah tindakan yang akan diambil.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama Ahli Yang Berhormat itu, memang kami menyedari ada pili-pili bomba yang tidak mempunyai tekanan air yang mencukupi untuk memancarkan air apabila diperlukan di dalam operasi-operasi memadam kebakaran dan paip-paip atau pili-pili bomba yang tekanan airnya tidak mencukupi ini adalah disenaraikan sebagai pili-pili bomba yang tidak boleh digunakan sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan hubungan telah dibuat dengan pihak Jabatan Kerjaraya iaitu Bahagian Jabatan Kerja Air untuk memperbaiki pili-pili yang berkenaan itu sama ada dengan cara memperbesarkan paip-paip saluran air ke pili-pili tersebut atupun sebagai tindakan yang berpatutan yang difikirkan perlu oleh pihak Jabatan Kerja Air.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang kedua, memang juga disedari ada pili-pili bomba tidak dapat digunakan dengan serta-merta apabila diperlukan kerana adanya halangan-halangan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu sampah sarap, bahan-bahan binaan dan ada juga

terdapat di atas pili-pili itu digunakan sebagai gerai-gerai menjual barang-barang dan sebagainya.

Pada awal tahun ini satu kempen besar-besaran di seluruh negara telahpun dijalankan, memeriksa ke semua pili-pili bomba yang ada dan saya percaya Ahli Yang Berhormat itu juga menyedari bahawa baru-baru ini melalui mass-media seperti TV dan sebagainya ada ditunjukkan bahawa ada terdapat pili-pili bomba itu tersorok di bawah gerai dan sebagainya dan kempen-kempen ini telahpun dijangka menyedarkan orang ramai dan memberi kerjasama supaya pili-pili ini tidak menerima sebarang halangan jika ianya diperlukan untuk digunakan bagi mencegah sebarang kebakaran.

PENDERMA DARAH/MATA

7. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Kesihatan menyatakan berapakah bilangan penderma-penderma darah dan mata dalam tahun 1980; berapakah orang yang menerima derma-derma ini; dan berapakah kes pembedahan memindahkan mata yang berjaya.

Setiausah Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Tuan Yang di-Pertua, bilangan penderma darah untuk 1979 ialah 102,195 orang dan bagi tahun 1978, seramai 93,568 orang. Penerima darah untuk tahun 1979 ialah seramai 58,208 orang dan bagi tahun 1978 seramai 53,549 orang.

Mengenai penderma mata pula, pada tahun 1980, terdapat 4 orang penderma. Walau bagaimanapun, seramai 321 orang telah berjanji menderma mata mereka. Seterusnya, pada tahun 1980 terdapat 3 orang penerima mata. Mereka merupakan pesakit-pesakit yang menerima 'corneal transplant' (pembedahan memindahkan kornea mata). Dua daripada pembedahan tersebut telah berjaya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan oleh Ahli-ahli Pasukan Keselamatan Polis Hutan daripada Ulu Kinta bahawa sungguhpun mereka merupakan penderma darah yang paling besar ke Hospital Ipoh, tetapi mereka tidak diberi keutamaan

untuk mendapatkan bekalan darah apabila ada kemalangan daripada anggota-anggota mereka. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada di masa-masa yang akan datang pihak hospital akan memberikan keutamaan bekalan darah kepada mereka yang menjadi penderma darah ataupun keluarga mereka jika satu-satu kemalangan berlaku?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bekalan darah kepada pesakit-pesakit dan orang-orang yang mendapat kemalangan di Hospital Ipoh, Kementerian Kesihatan boleh mengambil perhatian.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, adakah benar seorang penderma darah akan menerima satu kad tanda penghargaan kepada sumbangannya dan saya ingin tahu jika benar, apakah keistimewaan yang didapati daripada kad penghargaan ini?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, ya benar, seseorang yang telah menderma darah kepada Tabung Darah akan layak menerima keistimewaan. Kurang daripada 15 kali menderma dikecualikan dari membayar bayaran rawatan dan bayaran wad untuk Kelas Dua dalam masa empat bulan selepas tarikh pendermaannya dan juga pengecualian dari bayaran rawatan luar dalam tempoh dan masa di antara 16 hingga 40 kali menderma dikecualikan dari bayaran rawatan dan wad untuk Kelas Dua dalam tempoh empat bulan selepas tarikh pendermaannya dan selepas itu setengah bayaran rawatan dan wad untuk Kelas Dua dan juga rawatan luar dengan percuma dalam tempoh 3 tahun selepas menderma. Lebih dari 41 kali menderma dikecualikan dari bayaran rawatan dan bayaran wad untuk Kelas Dua dan dikecualikan dari bayaran rawatan pesakit luar pada bila-bila masa.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, adakah

benar bahawa setakat ini sejumlah besar daripada penderma-penderma ini adalah terdiri daripada satu golongan kaum sahaja iaitu orang Melayu dan kurang sekali sambutan daripada orang-orang lain yang bukan Melayu. Sekiranya sedar, apakah langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk menggalakkan kaum-kaum lain juga turut menderma?

Datin Paduka Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itu tidak benar, banyak kaum-kaum yang lain mendermakan darah kepada Tabung Darah.

HAKIM MAKAMAH TINGGI

8. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dicadangkan untuk memperbanyakkan bilangan Hakim-hakim Mahkamah Tinggi di negara ini supaya dapat mengatasi dengan berkesannya ketimbunan kes-kes yang sedia ada.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini ialah Kerajaan memang bercadang untuk menambahkan bilangan hakim-hakim Mahkamah Tinggi dari satu masa ke satu masa untuk mengatasi masalah backlog di mahkamah-mahkamah.

HAKMILIK LADANG KELAPA SAWIT, GETAH DAN KELAPA

9. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) berapa luas ladang kelapa sawit, kelapa dan getah di negara ini yang masih 100% dimiliki oleh syarikat luar negeri atau syarikat yang dianggotai oleh rakyat luar negeri; dan
- (b) adakah Perbadanan di dalam Kementerian ini bercadang hendak membeli ladang-ladang tersebut, setakat ini ada berapa luas ladang jenis ini yang telah dibeli oleh perbadanan dalam Kementerian ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut perangkaan yang dicatatkan sehingga tahun 1978 pecahan hakmilik bagi ladang-ladang kelapa sawit, getah dan kelapa di negara ini adalah seperti berikut:

	Warganegara (hektar)	Bukan Warganegara (hektar)
Kelapa sawit ...	263,565	175,375
Kebun getah ...	312,890	209,543
Ladang kelapa ...	7,948	9,387

Sedangkan hakmilik bersama (joint venture) 762 hektar.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, berdasarkan kepada data-data yang terakhir adalah menunjukkan bahawa keluasan ladang-ladang hakmilik bukan penduduk Malaysia itu adalah telah berkurangan.

- (b) Sehingga masa ini belum ada lagi agensi ataupun perbadanan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah yang telah mengambil langkah-langkah untuk membeli ladang-ladang yang dimiliki oleh syarikat-syarikat luar negeri. Walau bagaimanapun, RISDA berkemungkinan akan melibatkan diri dalam pembelian ladang-ladang ini pada masa akan datang.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Setiausaha Parlimen telah menerangkan tentang angka-angka milikan kebun kelapa, getah dan kelapa sawit di Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan daripada beliau oleh kerana beliau telah menerangkan jumlah milik warganegara dan bukan warganegara, bolehkah beliau menerangkan kepada Dewan ini bagaimanakah layanan pemilik kebun tersebut, adakah perbezaan di antara pemilikan warganegara dan bukan warganegara iaitu layanan terhadap kaum buruh di ladang-ladang tersebut.

Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang diketahui layanan adalah sama di antara pemilik bumiputra dan bukan bumiputra terhadap buruh yang bekerja di ladang-ladang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

(Soalan No. 10 Y. B. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan No.11.

BELIA—KEKURANGAN TENAGA DI LUAR BANDAR

11. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali (*di bawah S. O. 24 (2)*), minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian berkenaan bagi memastikan golongan muda terutama di luar bandar dapat menyambung tugas mengerjakan usaha-usaha pertanian seperti mengerjakan sawah atau mengusahakan ladang getah dan lain-lain yang menyebabkan kekurangan tenaga dalam pengeluaran pertanian dan tanah terbiar di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, penghijrahan tenaga belia dari desa ke bandar-bandar adalah merupakan satu proses yang diakibatkan oleh pembangunan dan tidak patut disekat. Mereka patut diberi peluang mencari pekerjaan yang boleh menjamin pendapatan yang lebih tinggi sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Sungguhpun begitu, penghijrahan mereka tidak sepatutnya menyekat usaha memodenkan perusahaan pertanian. Bagi mereka yang berminat untuk terus mengusahakan pertanian Kerajaan telah mengambil langkah-langkah menyediakan kemudahan-kemudahan sama ada dalam

bentuk bantuan nasihat mahupun subsidi-subsidi yang boleh membantu mengurangkan kos pengeluaran tetapi meningkatkan hasil pengeluaran pertanian mereka.

Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja Kerajaan menyediakan program-program tertentu untuk memperluaskan penggunaan jentera sebagai menggantikan tenaga manusia.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah langkah-langkah yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan untuk melatih belia-belie di luar bandar semoga mereka boleh menjadi petani moden.

Datuk Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Jabatan Pertanian ada suatu rancangan yang bernama "2L" iaitu Latihan dan Lawatan. Maka kumpulan belia termasuklah petani dikumpulkan, menerusi skim latihan 2L ini mereka diberi nasihat dan latihan untuk bagaimana hendak mengerjakan kerja-kerja pertanian. Ada skim yang lain iaitu package deal mereka bawa melalui bantuan juga sedaya-upaya diberi suatu kesedaran dan kecenderungan kepada belia untuk menjadi petani moden.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan buruh terutama sekali di ladang swasta hari ini tersangat dirasakan oleh banyak belia kita dimasukkan ke dalam FELDA dan berhijrah ke bandar. Jadi soalan saya adakah Kerajaan melalui Kementerian Pertanian merancang atau membenarkan memanggil buruh-buruh daripada luar terutama daripada negara jiran sebagaimana yang pernah dibuat oleh zaman penjajah dahulu?

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan luar sekali, bertentangan dengan soalan asal.

JALAN RAYA—MENGURANGKAN KENDERAAN

12. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan telah membelanjakan

berjuta-juta ringgit untuk membina jalan raya dari utara, timur, selatan dan barat dan jika ya, sama ada bagi pihak Kementerian akan hanya membenarkan kenderaan-kenderaan yang layak berjalan di atas jalan raya menggunakan jalan raya untuk mengurangkan bilangan kenderaan dan penggunaan jalan raya.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kerajaan agar jalan-jalan raya yang telah dibina dengan perbelanjaan yang begitu banyak digunakan oleh kenderaan-kenderaan yang layak sahaja iaitu kenderaan yang berkeadaan baik. Penentuan mana-mana kenderaan yang layak dan baik itu adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Pengangkutan Jalan raya, Kementerian Pengangkutan dan juga pihak Polis Diraja Malaysia.

KENAIKAN HARGA GULA AKIBAT SOROKAN

13. Tuan Au How Cheong minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengikut siasatan yang telah dibuat sama ada bukti-bukti didapati bahawa syarikat-syarikat minuman-minuman botol menyorok gula sebelum kenaikan harga gula dibenarkan.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, menurut hasil siasatan yang telah dijalankan oleh pegawai-pegawai Kementerian saya ke atas syarikat-syarikat pengusaha minuman botol adalah didapati bahawa tidak ada bukti kegiatan menyorok gula ini dilakukan, tetapi pada ketika itu Kerajaan telah menghadkan simpanan gula untuk keperluan tidak melebihi 2 minggu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim.

(Soalan No. 14 Yang Berhormat Tuan Seow Hun Khim tidak hadir)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hussein bin Mahmood.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

PAGAR KESELAMATAN SEMPADAN MALAYSIA—THAILAND

15. Tuan Awang bin Jabar (*di bawah S.O.24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Malaysia akan mengadakan pagar keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand dan jika ya, sejauh manakah kerjasama yang diberikan oleh pihak Thailand dalam masalah ini dan jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kerajaan tidak bercadang membina pagar keselamatan di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand. Bagi membina pagar di sepanjang 358 batu bukan sahaja akan menelan belanja yang terlalu tinggi tetapi juga tidak praktikal. Pagar keselamatan itu dibina di kawasan-kawasan tertentu bagi mengatasi masalah penyeludupan. Pada masa ini sepanjang 23 batu pagar keselamatan telah dibina dari Bukit Kuan Chu, Padang Besar ke Bukit Kayu Hitam. Pembinaan pagar dari Bukit Kayu Hitam ke Bukit Tangga sejauh 10 batu sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada akhir tahun 1982. Pada masa ini Kerajaan sedang membuat kajian bagi menentukan keperluan mendirikan pagar keselamatan di kawasan keselamatan tertentu di negeri Perak dan Kelantan. Pembinaan pagar keselamatan ini adalah projek atau rancangan kita sendiri dan tidak melibatkan pihak Thailand. Pagar ini dibina di kawasan Malaysia iaitu lebih kurang 15 ela dari garis sempadan Malaysia-Thailand.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sesudah pagar-pagar itu dibina berlaku kerosakan di pagar-pagar tersebut, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk membaiki pagar-pagar yang rosak dan untuk memerhati dan mengadakan rondaan-rondaan selalu di tepi-tepi pagar yang telah dibina?

Tuan Sanusi bin Junid: Ada.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Selain daripada memagar tempat-tempat yang diperlukan yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi adakah Kerajaan

bercadang untuk membersihkan kawasan sempadan supaya musuh atau penyorok itu jelas kelihatan oleh pasukan tentera dan pasukan keselamatan kita.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, kita tumpukan kepada pagar untuk petang ini. Soal membersihkan itu saya fikir terlalu luas kewasannya.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan 23 batu yang telah dipagar iaitu pagar keselamatan. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada pagar keselamatan itu pagar duri biasa sahajakah atau pagar yang dilengkapi dengan karan sebagaimana yang pernah di ura-ura dahulu.

Tuan Sanusi bin Junid: Pagar biasa untuk menghalang penyeludupan.

PENDATANG HARAM INDONESIA

16. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa hingga bulan Mac, 1981 ini, berapa ramai pendatang haram dari Indonesia berada di Malaysia, apakah tindakan telah diambil untuk mengawasi keadaan kemasukan pendatang haram Indonesia yang kian meningkat sehingga keadaan keselamatan dan keamanan terancam, umpamanya kes-kes jenayah kian bertambah di mana terlibat pendatang haram Indonesia, adakah satu pasukan petugas akan ditubuhkan untuk mencegah pendatang haram ini dapat begitu bebas memasuki Malaysia, jika tidak, apakah sebabnya.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama maksudnya dengan soalan di atas telah dijawab pada 18hb Mac, 1981 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 17.

PROJEK BELIA SEMENTARA MENUNGGU KEPUTUSAN SPM/STP

17. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (*Di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tiap-tiap tahun ada beribu-ibu penuntut yang mengambil peperiksaan SPM/STP menganggur dan sama ada satu kajian ada dibuat untuk menjalankan sesuatu projek Kerajaan, misalnya projek pertanian, rancangan tanah dan sebagainya di mana tenaga belia ini boleh digunakan untuk pembangunan sesuatu projek itu sementara menunggu keputusan peperiksaan supaya tenaga kerja mereka tidak terbiar. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, memang ada tiap-tiap tahun beribu-ribu penuntut mengambil peperiksaan SPM/STP, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak membuat kajian atau mengadakan satu projek khas untuk penuntut-penuntut yang berkenaan itu sementara mereka menunggu peperiksaan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil penuntut-penuntut atau belia-belie pada tiap-tiap tahun untuk menjalani latihan vocational di pusat-pusat latihan belia seperti Pusat Latihan Belia Dusun Tua, Pusat Latihan Belia Negara (Pertak) dan Pusat Latihan Belia Kuala Trengganu.

Selain daripada itu, belia-belie boleh mengambil bahagian dalam rancangan-rancangan pertanian dan perusahaan seperti projek belia peladang dan rancangan belia berniaga. Jika penuntut-penuntut tersebut di atas berminat untuk mengambil bahagian atas projek-projek yang disediakan oleh Kementerian saya itu, mereka boleh membuat permohonan yang sewajarnya.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa begitu ramai sekali penuntut-penuntut yang menganggur selepas lulus ataupun tidak lulus peperiksaan di akhir tahun dan di dalam jawapannya tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa ramai sekali pula telah diambil untuk mengikuti latihan di Dusun Tua dan juga di

Pertak, saya ingin bertanya sama ada selepas menjalani latihan-latihan di Pertak dan juga di Dusun Tua ini penuntut-penuntut tadi dapat diambil kerja oleh Kerajaan ataupun pihak-pihak swasta?

Tuan William Lye Chee Hien Tuan Yang di-Pertua, ya.

KELAS PERPADUAN RAKYAT

18. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning minta Perdana Menteri menyatakan adakah beliau sedar bahawa kelas-kelas Perpaduan Rakyat yang duduk di bawah Jabatan Perdana Menteri tidak dapat berjalan dengan baik terutama di peringkat daerah-daerah dan jika ya, apakah langkah yang sewajarnya perlu diambil supaya kelas-kelas perpaduan rakyat ini tidak hanya tinggal pada nama sahaja sedangkan aktiviti-aktivitinya tidak dapat dijalankan dan adakah Kerajaan akan menyemaknya semula termasuk tanggagaji pegawai-pegawainya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kelas-kelas Perpaduan Rakyat anjuran Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara tidak berjalan dengan baik terutama di peringkat daerah-daerah. Bahkan selain dari kelas biasa aktiviti-aktiviti luar kelas seperti kuiz Perpaduan dan Kemahkerja Perpaduan sentiasa diadakan sepanjang tahun di seluruh negara. Saya sedar aktiviti-aktiviti Kelas Perpaduan Rakyat ini diperingkatkan lagi mutunya supaya ia dapat memenuhi objektif Kerajaan untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Untuk maksud ini tinjauan serta kajian-kajian yang tertentu sedang dijalankan untuk melicinkan lagi pengendalian Kelas Perpaduan Rakyat baik di peringkat negeri mahupun di peringkat daerah dan kawasan. Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara sedang berunding dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk memperbaiki lagi Elaun Penyelia-penyelia dan guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat ini.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menerangkan memandangkan

kuiz-kuiz perpaduan ada dijalankan sepanjang tahun, jadi adakah Yang Berhormat sedar bahawa kuiz-kuiz perpaduan diadakan kadang-kadang diambil sahaja daripada mana-mana orang, tetapi tidak daripada kelas ataupun murid, jadi sesuatu daerah itu seperti di tempat saya umpamanya sudah tidak hidup sekarang Kelas Perpaduan Rakyat, di Kota Tinggi.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Saya akan mengambil perhatian, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kelas ini juga tidaklah berjalan dengan begitu baik di kawasan Parlimen Gerik. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada satu kajian yang menyeluruh dapat dijalankan oleh pihak Kementerian dan kalau perlu sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengubahsuai kurikulum atau syllabus di kelas-kelas yang tersebut.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan dapat diberi mengenai perkara ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kelas Perpaduan ini dijalankan dengan membekalkan alat-alat atau perabot-perabot untuk menyenangkan perjalanan kelas-kelas itu, oleh kerana terdapat banyak kelas-kelas yang menyampaikan permohonan mereka untuk mendapat perabot-perabot dan sebagainya.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tolong ulang sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ulang sekali lagi.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, adakah rancangan Kelas Perpaduan ini termasuk bekalan perabot-perabot untuk kegunaan murid-murid itu, oleh kerana sebagai Wakil Rakyat kita selalu mendapat permohonan untuk mendapat kerusi, meja, lampu dan sebagainya.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya berkehendakkan notis mengenai soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Shariffah Dorah binti Mohammed.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 19.

BANK TANAH

19. Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (di bawah S.O. 24(2)) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa rancangan mengadakan Bank Tanah, kebanyakan pengambilan semula tanah dalam bandar adalah melibatkan tanah-tanah kepunyaan Bumiputra yang hanya seluas 'kangkang kera' manakala masalah perumahan bagi yang berpendapatan rendah tidak juga diatasi, dan jika ya, adakah Kementerian ini akan mengkaji semula cara-cara yang lebih realistik bagi membantu mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh Bumiputra.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya sedar bahawa rancangan mengadakan tanah-tanah tapak perumahan akan melibatkan pengambilan balik tanah di kawasan-kawasan bandar. Tetapi tidaklah benar bahawa kebanyakan tanah yang terlibat itu adalah tanah-tanah kepunyaan bumiputra. Seberapa yang boleh pengambilan balik tanah adalah dijalankan dengan tidak menyusahkan kepada penduduk-penduduk yang terlibat. Dengan itu tanah-tanah ladang terbiar umpamanya atau tanah-tanah yang kosong biasanya diambil oleh Kerajaan dengan bayaran pampasan kepada tuan-tuanpunya tanah tersebut. Saya ingin menerangkan bahawa oleh kerana rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan adalah untuk golongan berpendapatan rendah, tanpa mengira kaum, maka tidaklah mungkin Kerajaan mengambil balik tanah rezab Melayu yang hanya boleh dipunyai dan diduduki oleh orang-orang Melayu sahaja. Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat bagaimanakah Kerajaan akan mengatasi

kesulitan yang dihadapi oleh bumiputra, sekiranya Ahli Yang Berhormat itu bermaksudkan masalah ini ialah masalah perumahan, maka di bawah Rancangan Malaysia Keempat lebih banyak lagi rumah-rumah akan dibina yang akan juga memberikan faedah kepada kaum bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pelaksanaan rancangan perumahan awam kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keempat, kepadatan unit rumah seekor akan ditingkatkan lagi dengan membina rumah awam kos rendah berbentuk rumah pangsa, dan jenis Kondominium tiga tingkat.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau boleh bersetuju bahawa walaupun Kerajaan memperingkatkan pembinaan rumah-rumah awam kos rendah ini adalah mustahil bagi Kerajaan untuk dapat memberikan rumah kepada tiap-tiap permohonan yang meminta rumah-rumah ini. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian ada mempunyai rancangan untuk memberi bantuan kepada Rancangan Perkampungan Tersusun yang mana sekarang ini sedang dirancangan dengan begitu hebat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, dan jika ada, apakah bantuan-bantuan yang diberikan oleh pihak kementerian kepada Rancangan ini?

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua ketahui dalam keperluan perumahan ini adalah merupakan masalah yang berpanjang, selagi ada manusia, selagi itulah manusia juga berkehendakkan rumah untuk tinggal.

Saya bersetuju pendapat Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam masalah perumahan ini tidak akan dapat diatasi dengan serta-merta. Berhubung dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagaimanakah Kerajaan boleh membantu membina rumah-rumah di dalam Rancangan Perkampungan Tersusun sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, setakat ini Kementerian saya belum lagi ada rancangan-rancangan yang khusus, tetapi

saya berpendapat bagi kampung-kampung tersusun di mana lot-lot perumahan telah dikeluarkan kepada orang-orang tertentu, jika pemilik-pemiliknya mempunyai syarat-syarat yang sesuai maka barangkali boleh digunakan Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah yang ada dilaksanakan oleh Kementerian saya sekarang ini untuk kegunaan membina rumah-rumah di kampung-kampung tersusun seperti Yang Berhormat maksudkan itu.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin tahu sama ada dengan jawapan itu pihak Kementerian ataupun Kerajaan telahpun bersetuju di atas syor penubuhan Bank Tanah sebagaimana yang dicatitkan dalam soalan asal dan sekiranya sudah bersetuju, bilakah rancangan ini akan dijalankan.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di dalam Jawapan saya kepada soalan asal saya sengaja tidak menggunakan perkataan "Bank Tanah" tetapi saya menggunakan perkataan "tanah-tanah tapak perumahan". Sebenarnya seperti Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan menyediakan peruntukan pusingan sebanyak \$20 juta bagi tiap-tiap Kerajaan Negeri dengan tujuan dapat menggunakan peruntukan itu membiayai pengambilan balik tanah, menyediakan tapak-tapak untuk simpanan untuk kegunaan perumahan dan lain-lain kegunaan yang berpatutan pada masa-masa yang akan datang.

Barangkali inilah yang dimaksudkan dengan "Bank Tanah" mengikut soalan asal daripada Ahli Yang Berhormat kerana tanah-tanah ini mulai daripada sekarang pihak Kerajaan-kerajaan Negeri boleh menggunakan peruntukan sebanyak \$20 juta yang diperuntukkan kepada tiap-tiap negeri itu untuk mengambil balik tanah-tanah untuk kegunaan perumahan walaupun projek-projeknya masih belum ditentukan lagi buat masa ini dan tanah-tanah tersebut boleh dijadikan simpanan untuk kegunaan pada masa yang akan datang apabila diperlukan. Dan sebagaimana yang saya sebutkan tadi

inilah barangkali yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat sebagai Bank Tanah di dalam soalan ini dan saya menjelaskan bahawa perkataan "Bank Tanah" itu di Kementerian saya pun hanya digunakan pada asas kajian dan perancangan sahaja dan belum ada satu rancangan khusus dilancarkan untuk Bank Tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa Yang Berhormat lemah dan muram sahaja pada awal minggu ini! (*Ketawa*).

SEKIM PEMILIKAN RUMAH DI LADANG-LADANG

20. Tuan V. David minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan jumlah ladang-ladang yang telah dilaksanakan skim pemilikan rumah yang dimulakan oleh Kerajaan enam tahun-dulu. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini masa yang akan diambil untuk melaksanakan dengan sepenuhnya skim tersebut dan sama ada Menteri berkenaan boleh memberi satu jaminan bahawa apabila ladang-ladang dijual untuk tujuan pemajuan perumahan, pekerja-pekerja ladang yang terlibat akan diberi keutamaan untuk memohon mendapatkan rumah-rumah di skim-skim perumahan berkenaan.

31. Tuan P. Patto minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan nama ladang-ladang di mana pihak majikan membina rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya dan bilangan yunit rumah yang dibina setakat ini, dan apakah pendirian ladang-ladang lain mengenai rancangan pemilikan rumah (house ownership scheme) di ladang-ladang mereka bagi pekerja-pekerja mereka dan bagaimana pihak Kementerian akan memastikan semua pekerja-pekerja ladang dapat memiliki rumah.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 31 juga dari Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Kerajaan adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa skim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong

adalah dilancarkan dengan jayanya di semua ladang-ladang dan lombong-lombong supaya pekerja-pekerja di sektor perusahaan ini akan mendapat faedah daripada skim yang telah ditubuhkan ini. Skim ini memerlukan penyertaan sukarela daripada tuanpunya-tuanpunya ladang dan merupakan satu rancangan jangka panjang yang mana memerlukan masa untuk dilaksanakan dengan penuh.

Sehingga hari ini sejumlah 450 buah unit rumah telah dibina di bawah skim ini di tiga buah ladang. Selain dari itu kerja-kerja pembinaan sebanyak 240 unit lagi sedang berjalan sekarang di Ladang Sengkang, Port Dickson, yang dipunyai oleh Kumpulan Guthrie. Tuanpunya-tuanpunya Ladang Teluk Piah di Selangor dan Kamasaan di Selangor telah menandatangani surat persefahaman dengan Kerajaan Negeri untuk melancarkan skim ini di ladang-ladang mereka, yang mana 86 unit akan dibina di Ladang Teluk Piah, sementara Ladang Kamasaan akan membina 66 unit. Selanjutnya Ladang Tanjung Malim, di Tanjung Malim, Ladang Brooklands di Banting, Ladang Kerling di Rawang, Selangor, telahpun mengemukakan pelan-pelan tapak dan bangunan kepada pihak berkuasa untuk diproses. Jumlah unit-unit rumah yang akan dibina di ketiga-tiga buah ladang ini adalah sebanyak 779. Sementara itu, di Johor sejumlah 10 tuanpunya-tuanpunya ladang telah menyatakan minat mereka untuk menyertai skim ini. Pihak berkuasa negeri Johor telahpun meluluskan permohonan bagi Ladang Kelapasawit Kulai, Johor, Ladang Sedenak dan Ladang Mengkibol untuk menjalankan skim ini.

Di Perak sejumlah 17 buah ladang dijangka akan melancarkan skim ini. Mereka termasuklah Ladang Pinji di Ipoh, Ladang Bedford di Slim River, Ladang Bidor Tahan di Bidor dan Ladang Nova Scotia di Teluk Anson yang semuanya memperuntukkan sebanyak 530 unit rumah-rumah. Ladang Merlimau dan Ladang Bukit Asahan di Melaka telah mengemukakan pelan-pelan bangunan kepada pihak berkuasa di negeri Melaka untuk kelulusan bagi membina sejumlah 378 unit. Di samping itu sejumlah 31 buah ladang-ladang dan lombong-lombong

di seluruh negara telah menunjukkan minat mereka untuk melancarkan skim ini. Tuanpunya-tuanpunya ladang dan lombong ini adalah dalam proses memilih tapak yang sesuai, menyediakan pelan-pelan bangunan dan adalah sentiasa berhubung rapat dengan pihak-pihak negeri untuk mendapat kelulusan yang diperlukan sebelum melancarkan skim ini.

Kerajaan juga akan menentukan bahawa pekerja-pekerja ladang yang mana ladang-ladang mereka telah dijual bagi tujuan memajukan projek-projek perumahan awam adalah diberi keutamaan untuk membeli rumah-rumah murah yang akan dibina. Misalnya, pekerja-pekerja ladang di Bukit Jalil dan di Ladang Hawthonden di Wilayah Persekutuan, Yang mana kedua-dua ladang tersebut telah diambil alih oleh Kerajaan bagi memenuhi keperluan-keperluan Wilayah Persekutuan, telah diberi jaminan untuk mendapat rumah-rumah murah yang akan dilancarkan oleh Kerajaan di Ladang-ladang tersebut. Peraturan-peraturan yang sama adalah juga dibuat di Ladang Batu dan Ladang Segambut di Wilayah Persekutuan di mana di samping bayaran gratuity, pengurusan ladang itu juga telah memberi sumbangan untuk membolehkan pekerja-pekerja membeli rumah-rumah. Peraturan-peraturan yang sama juga dijalankan di Negeri Sembilan dan di lain-lain tempat.

Kementerian saya sedang bergiat untuk menggesa serta menggalakan lebih ramai lagi majikan-majikan ladang dan lombong untuk menyertai skim-skim ini supaya lebih ramai pekerja-pekerja mendapat faedah daripadanya.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu persidangan ini bagaimana Kerajaan mahu mengambil tindakan atas majikan-majikan yang tidak membina rumah-rumah untuk kaum pekerja mengikut arahan daripada Kerajaan.

Kedua, macam Jalan Puchong, Batu 12, ada juga ladang-ladang yang kita tahu ada juga pihak swasta yang beli tanah itu untuk membina rumah, jadi pekerja-pekerja yang tinggal di ladang itu pada masa akan datang

adakah akan dipindahkan atau mereka boleh dapat rumah untuk duduk di sana?

Lagi lombong-lombong ini kita tahu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan V. David: Lagi satu.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah dua itu.

Dato K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, belumlah kita sampai masa untuk memikirkan jalan untuk mengatasi masalah ladang-ladang yang tidak ingin memathui dasar atau kehendak daripada Kerajaan. Seperti saya huraikan tadi ada banyak ladang yang ingin menyertai dalam rancangan ini. Mengenai Puchong, saya rasa ini adalah terkeluar daripada soal asal.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri Buruh telah menerangkan tentang yunit-yunit rumah yang didirikan di ladang-ladang. Boleh saya mendapat tahu, pertama berapa peratuskah dari segi peratusan ladang-ladang yang telah menjayakan projek ini. Kedua, berapa peratuskan rakyat atau pekerja-pekerja ladang yang terlibat dengan projek perumahan ini.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat mengira peratusnya ladang-ladang itu atau pekerja-pekerja itu. Saya rasa projek ini adalah dalam peringkat permulaan sahaja. Kita akan dapat mengkaji keadaan ini selepas dua tiga tahun kemudian.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bagi ladang-ladang yang telah mengambil bahagian dalam rancangan ini menghadapi berbagai masalah yang tidak menggalakkan mereka untuk memulakan atau melanjutkan atau memperluaskan rancangan ini, misalnya dalam usaha untuk menyampaikan pelan pembinaan rumah, memecah belahkan (sub-division) tanah-tanah dan sebagainya dan masalah-masalah seperti ini tidak menggalakkan mereka untuk membina rumah itu. Dapatkah Kementerian ini memberi pertolongan atas masalah-masalah yang dihadapi oleh ladang-ladang ini.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar atas beberapa kerumitan yang dihadapi oleh majikan-majikan tetapi kita sedang bersama-sama dengan kerjasama dari pihak Kerajaan Negeri cuba mengatasi masalah-masalah. Saya rasa tidak ada satu perkara pun dalam dunia ini yang tidak mempunyai masalah.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar tentang adanya satu peruntukan undang-undang iaitu satu Akta Yang diwajibkan untuk dilaksanakan oleh pihak tuan-punya-tuan-punya ladang menyediakan untuk kemudahan-kemudahan tempat tinggal yang minima, satu Akta ini ada dilaksanakan sekarang ini. Sama ada pihak Kementerian akan mengkaji peruntukan tertentu dalam Akta ini dan memuasskan satu seksyen yang baru supaya rancangan sekim pemilikan rumah ini dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin oleh pihak ladang-ladang.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, kita sedang mengkaji semula peruntukan Akta (Piawaian Minima) Perumahan, 1966 tetapi saya rasa belum sampai masanya untuk mewajibkan sekim seperti yang saya huraikan tadi dalam Akta tersebut. Tetapi Kerajaan sedia untuk memberi pertimbangan bagi peruntukan perundangan seperti itu jika dikehendaki dalam masa yang akan datang.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan Dewan ini dengan lombong-lombong, oleh kerana pada minggu lepas kita dapati lebih kurang 20 orang meninggal akibat lombong runtuh di Puchong. Kalau Kerajaan tidak menjaga rumah-rumah pekerja di lombong bukan sahaja Puchong dan Kampar, boleh jadi pada masa akan datang di lain-lain tempat. Apakah tindakan darurat Kerajaan akan ambil untuk menjaga nyawa pekerja-pekerja di lombong, oleh kerana rumah-rumah itu dibina dekat dengan lombong dan bila satu kejadian berlaku, semua jatuh dan

meninggal. Bolehkah Kerajaan memberi jaminan mengambil tindakan menyasat dan mengambil satu tindakan yang kuat ke atas majikan-majikan lombong.

Tuan Yang di-Pertua: Fahamkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan soalan itu?

Datuk K. Pathmanaban: Saya faham — jelas, Tuan Yang di-Pertua (Ketawa) tetapi saya rasa soalan itu adalah di luar daripada soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya memang tunggu sampai habis tadi (*Ketawa*).

PROJEK BELIA NIAGA

21. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan nyatakan adakah Kementerianya sedar bahawa di setengah daerah di seluruh negara, permintaan projek Belia Niaga melebihi bekalan dan jika ya, apakah langkah yang sedang diambil bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, dalam melaksanakan rancangan belia berniaga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak menghadkan peruntukan bagi sesuatu daerah. Bantuan untuk rancangan Belia Berniaga adalah berupa bantuan kepada belia-belia yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan atau perusahaan kecil. Bantuan ini dikeluarkan mengikut permohonan-permohonan projek dan tidak berdasarkan atau diperuntukkan mengikut daerah.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3,4,10,14 dan 22 hingga 30 adalah diberi di bawah ini).

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—PRESTASI

3. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau puashati dengan prestasi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, terutama dalam bidang penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian dan jika ya, apakah yang dimaksudkan dengan kenyataan beliau pada minggu terakhir bulan lalu bahawa beliau tidak mahu sebarang perkara yang tidak diinginkan dalam Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri berulang lagi di masa hadapan. Sama ada beliau boleh menjelaskan kepada Dewan perkara yang tidak diinginkan dalam PKEN itu.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Dari maklumbalas yang diterima oleh Kementerian saya mengenai peranan dan prestasi Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam bidang penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian bolehlah saya katakan memuaskan. Umpamanya, terdapat syarikat-syarikat di bawah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah berjaya mendapat keuntungan dan memenuhi kriteria-kriteria bagi dipindah milik kepada Bumiputra. Begitu juga kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri itu telah memberi peluang kepada Bumiputra menyertai dalam bidang perdagangan dan perindustrian, di samping melaksanakan peranan membangunkan negeri-negeri yang berkenaan. Namun demikian, banyak lagi perkara-perkara yang patut dibuat oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri bagi menambahkan lagi penyertaan Bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian, dan perkara-perkara ini adalah dititikberatkan dalam RM-4.

Kenyataan saya mengenai perkara yang tidak diinginkan itu tidaklah melibatkan semua PKEN-PKEN secara menyeluruh dan adalah merupakan satu ingatan bagi mengadakan langkah berjaga-jaga bagi mencegah berlakunya sebarang penyelewengan atau unsur-unsur yang tidak cekap di dalam Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dalam melaksanakan projek mereka.

Sememang ada berlaku di masa-masa yang lepas beberapa keadaan tertentu di mana anak-anak syarikat PKEN menghadapi Kerugian ataupun masalah-masalah operasi oleh kerana sebab seperti:

- (i) Kurang kawalan dan pengesanan-pengurusan.
- (ii) Kajian dayahidup projek tidak sempurna.
- (iii) Kurang orientasi komersyel dalam projek-projek yang semestinya memerlukan pendekatan komersyel. Kekurangan-kekurangan serta kecuaiian-kecuaiian seperti itu telahpun dikesan, dan langkah-langkah mengatasi telah dan sedang diambil. Baru-baru ini Dewan yang mulia ini telahpun meluluskan Akta Pembedaan (Pindaan) 1980 yang merupakan langkah bagi mencegah berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan itu.

PELAN INDUK KUALA LUMPUR

4. Dato Lee Boon Peng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Pelan Induk yang ingin meringankan lalulintas di Wilayah Persekutuan telah dipersiapkan, dan menyatakan sama ada cadangan untuk melaksanakan sistem pengangkutan udara itu (overhead transport system).

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Pelan Induk yang sedang disediakan tidaklah semata-mata mempunyai objektif untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Wilayah Persekutuan. Sebenarnya Pelan Induk Kuala Lumpur itu adalah satu kajian yang 'comprehensive' mengambil pertimbangan aspek-aspek sosio-ekonomi dan fizikal yang semuanya akan disepadukan dalam mana aspek lalulintas adalah menjadi satu kajian komponen. Kajian sektor yang lain yang dirangkum dalam keseluruhan Pelan Induk ialah Penduduk, Ekonomi, Kedudukan Sosial, Penggunaan Tanah, Perumahan, Setinggalan, Perniagaan dan Membelbelah, Industri, Kemudahan dan

Perkhidmatan Masyarakat, Riadhah, 'Conservation and Preservation', 'Townscape and Streetscape', 'Public Utilities', Pusat Bandar dan Kawasan Rezab Melayu.

Pelan Induk itu dijangka siap pada akhir tahun 1981. Memandangkan kepada pengangkutan di Wilayah Persekutuan sangat serius dan memandangkan kepada kajian itu sangat luas, maka Dewan Bandaraya telah melantik Pakar Perunding untuk membuat kajian pengangkutan meliputi di antaranya keadaan pengangkutan dan lalu lintas sekarang, dan memberikan perakuan-perakuan mengenai pentadbiran pengangkutan dimasa hadapan serta cara-cara (modes) pengangkutan yang sesuai bagi menampung keperluan perjalanan yang semakin bertambah. Kajian dan pertimbangan masih dijalankan dan dari itu belum diputuskan secara resmi pengangkutan yang hendak dilaksanakan.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—PINJAMAN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada semua permohonan pinjaman dari PKEN, boleh diluluskan oleh Jawatankuasa Teknik Pinjaman PKEN, dan jika tidak mengapa, dan dasar dalam meluluskan setengah-setengah permohonan dan jumlah yang diluluskan bagi tiap-tiap PKEN, dalam tahun 1979 dan 1980.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Semua permohonan pinjaman dari PKEN-PKEN yang di terima oleh Kementerian Perusahaan Awam dikemukakan kepada Jawatankuasa Pinjaman PKEN, dan Jawatankuasa ini akan memproses permohonan-permohonan yang diterima berasaskan kepada beberapa kriteria yang telah ditentukan:

- sama ada permohonan bagi satu-satu projek itu selaras dengan Dasar Ekonomi Baru,
- sama ada projek itu 'viable' atau mempunyai daya hidup atau tidak,
- sama ada PKEN-PKEN mempunyai keupayaan dan kebolehan menguruskan projek-projek tersebut.

Sekiranya permohonan-permohonan yang diterima memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan permohonan-permohonan itu akan diluluskan.

Biasanya sebelum PKEN-PKEN mengemukakan permohonan-permohonan mereka, senarai projek-projek yang dilaksanakan dikemukakan untuk pertimbangan dan makluman agensi-agensi pusat dan perbincangan awalan berkenaan dengan peruntukan kewangan juga diadakan. Oleh yang demikian Jawatankuasa Pinjaman PKEN memanglah mengetahui keupayaan kewangan dan dan keperluan pinjaman semua PKEN-PKEN sejak awal lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 1980, 23 permohonan yang berjumlah \$89,230,431 telah diterima. Daripada jumlah ini 19 permohonan yang berjumlah \$80,557,460 telah diluluskan. Ini bermakna jumlah wang yang diluluskan berbanding dengan jumlah permohonan, melebihi 90%.

Jumlah yang diluluskan untuk tahun-tahun 1979 dan 1980 bagi tiap-tiap PKEN adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah yang diluluskan</i>	
	<i>1979</i>	<i>1980</i>
Perlis	5,120,000	5,100,000
Kedah	—	1,325,000
Pulau Pinang ..	5,600,000	10,458,460
Perak	4,263,000	17,774,000
Selangor	39,317,467	—
Negeri Sembilan	—	1,500,000
Melaka	—	—
Johor	61,231,000	23,500,000
Pahang	934,000	—
Trengganu ..	4,950,062	—
Kelantan	—	20,000,000
Sarawak	—	300,000
Sabah	—	—

HOSPITAL DAERAH BUKIT MERTAJAM—SAMBUNGAN BANGUNAN BARU

14. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapakah sambungan bangunan baru bertingkat empat

untuk Hospital Daerah Bukit Mertajam masih belum mula dibina sungguhpun peruntukan sebanyak \$1,200,000.00 telah diluluskan pada tahun 1977 dan bila akan pembinaan dimulakan dan apakah sebab-sebab pembinaan sambungan ini dilambat-lambatkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Datin Paduka Chow Poh Kheng): Ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak JKR sedang berusaha untuk mempelawa tawaran bagi kerja-kerja pembinaan Wad 4 Tingkat di Hospital Daerah Bukit Mertajam. Pelan tapak binaan itu telah diluluskan pada bulan November, 1977. Dalam tahun 1978, JKR telah menjalankan siasatan tapak dan merekakan "substructure" bagi projek tersebut.

Seterusnya tawaran untuk kerja-kerja binaan telah dipelawa pada bulan Mei, 1979 dan kontrak pembinaan telah ditawarkan pada bulan September, 1979. Akan tetapi, oleh kerana pemborong tidak menjalankan apa-apa kerja binaan, kontraknya telah ditamatkan pada bulan April 1980. Panggilan semula tawaran dilakukan dua kali dalam tahun 1980 tetapi tidak berhasil. Walau bagaimanapun, usaha sedang dijalankan untuk mempelawa tawaran sekali lagi.

IMMIGREN HARAM INDONESIA

22. Dr Chen Man Hin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberi butir-butir lanjut tentang betapa besarnya masalah berkaitan dengan immigren-immigren haram Indonesia dan nyatakan negeri-negeri di mana mereka tertumpu.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Soalan yang sama maksudnya dengan soalan di atas telah dijawab pada 18-3-1981 di Dewan yang mulia ini.

KENAIKAN HARGA GULA MENJELANG TAHUN BARU CHINA

23. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapa Kementerian beliau membenarkan harga gula dinaikkan menjelang Tahun Baru China sedangkan pada masa-masa dulu, Kementerian beliau biasa tidak membenarkan harga barang-barang keperluan dinaikkan menjelang perayaan dan berikan sebab-sebab mengapa Kementerian beliau tidak berbuat demikian bagi perayaan Tahun Baru China tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Saya telah memberi jawapan kepada soalan ini ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur pada 17hb Mac, 1981. Saya tidak ada apa-apa tambahan kepada jawapan itu.

MUSA AHMAD DISELUDUP DARI NEGERI CHINA

24. Tuan Haji Ampong bin Puyon minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bagaimanakah operasi menyeludupkan Pengerusi Parti Komunis Malaya, Encik Musa Ahmad dilakukan. Benarkah ia dapat bantuan dari pihak China Komunis yang berpendapat Encik Musa tidak berharga lagi dalam perjuangan komunis.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun dijawab di Dewan ini pada 18hb Mac, 1981. Saya tidak bercadang menambah apa-apa jawapan terhadap soalan Ahli Yang Berhormat itu.

PERMOHONAN KEWARGANEGARAAN SARAWAK—KELEWATAN

25. Tuan Jonathan Narwin Anak Jinggong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebab kelewatan meluluskan permohonan penduduk tetap dan menjadi warganegara di Negeri Sarawak

demi kepentingan negara ini. Adakah Kementerian beliau bercadang mengambil tindakan-tindakan segera untuk mempercepatkan pelaksanaan permohonan-permohonan tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sebenarnya tidak ada kelewatan dalam pemberian kelulusan permohonan-permohonan penduduk tetap dan menjadi warganegara di Negeri Sarawak kerana masa yang diambil bagi mengkaji kelayakan tiap-tiap permohonan adalah tidak melebihi dari tempoh yang berpatutan dan yang diperlukan.

Oleh yang demikian, soalan kedua dari Yang Berhormat tidak berbangkit.

SEWA RUMAH PANGSA WALLER COURT/SUNGAI PARI TOWERS

26. Tuan Lim Cho Hock minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Majlis Perbandaran Ipoh telah menaikkan sewa rumah pangsa Waller Court dan Sungai Pari Towers dengan kadar 100% berkuatkuasa mulai 1-1-1981; sekiranya sedar, sama ada beliau akan menasihati Majlis Perbandaran Ipoh supaya mengurangkan sewa tersebut kepada anggaran yang lebih munasabah kerana penghuni rumah pangsa-rumah pangsa tersebut adalah terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Adalah tidak begitu tepat bagi Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa Majlis Perbandaran Ipoh telah menaikkan sewa rumah pangsa Waller Court dan Sungai Pari Towers dengan kadar 100%. Kenaikan sewa bagi rumah-rumah pangsa tersebut adalah tidak seragam dan yang paling rendah ialah 11%, ada yang sebanyak 32% dan lain-lain lagi. Ini ialah oleh kerana perkiraan sewa baru dibuat mengikut jumlah kaki persegi tiap-tiap unit yang disewa. Di antara unit-unit itu ada yang mengandungi dua bilik, ada yang tiga atau empat bilik.

Kenaikan sewa rumah pangsa yang berkenaan itu oleh Majlis Perbandaran Ipoh telah dibuat oleh kerana perbelanjaan penyenggaraan makin meningkat dan tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sewa lama rumah-rumah pangsa berkenaan itu telahpun ditetapkan semenjak tahun 1975. Rumah pangsa Waller Court terletak di tengah pusat bandar Ipoh dan rumah pangsa Sungai Pari Towers hanya setengah batu jauhnya daripada pusat bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sedang mengkaji masalah ini.

KERETA BOMBA

27. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa lebih daripada 51 peratus kenderaan bomba di Semenanjung Malaysia adalah sudah berusia lebih 15 tahun; jika sedar, apakah langkah lanjut yang telah diambil setakat ini untuk mengemaskini dan memodenkan perkhidmatan pemadaman kebakaran kita di samping menambah kaki-tangan pemadam api.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Kementerian saya sedar sebilangan besar kereta-kereta bomba yang ada sekarang yang berusia lebih 15 tahun. Langkah-langkah lanjut telahpun diambil dan akan diteruskan yang mana di dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 108 buah jentera bomba telah dibeli terdiri daripada:

- (a) 79 unit 400 Jentera Tangki Air (400 gallon Water Tender)
- (b) 14 unit Jentera Penyelamat (Emergency Rescue Tender)
- (c) 14 unit Hydraulic Platform
- (d) 1 unit Jentera Tangga Berputar (Turntable Ladder)

Jentera-jentera tersebut adalah sebagai mengganti dan menambah jentera-jentera Bomba yang lama itu di samping memodenkannya. Usaha-usaha membaharui dan memodenkan ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keempat hingga jentera-jentera yang berusia lebih 15 tahun ini akan terhapus.

KEBAKARAN YANG BERLAKU

28. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah jumlah kebakaran yang berlaku di seluruh negara dalam tahun 1979, 1980 dan sehingga 28-2-1981, daripada jumlah ini berapakah yang terjadi dalam Wilayah Persekutuan.

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Jumlah kebakaran yang berlaku diseluruh negara dalam tahun 1979, 1980 dan hingga 28.2.1981 adalah seperti berikut:

1979	7,715
1980	7,902
1-1-81—28-2-81	1,397

Daripada jumlah ini yang terjadi di dalam Wilayah Persekutuan dalam tahun 1979, 1980 hingga 28.2.1981 adalah seperti berikut:

1979	924
1980	937
1-1-81—28-2-81	186

HAKMILIK TANAH — PECAH/ MENGUBAH SYARAT

29. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang keputusan yang dibuat oleh pihak Berkuasa Kemajuan Bintulu (Bintulu Development Authority) bahawa sebelum permohonan-permohonan dari tuannya-tuannya tanah untuk memecah dan mengubah syarat hakmilik tanah mereka boleh dipertimbangkan untuk diluluskan, tuannya-tuannya tanah berkenaan hendaklah menubuhkan sebuah syarikat kemajuan di mana orang-orang bumiputra memegang ekuiti sebanyak 50% dalam syarikat tersebut; jika ya, sama ada beliau sedar ini bukan sahaja melanggar hak perlembagaan terhadap hartabenda yang melindungi seorang warganegara dari pengambilan hartabenda tanpa pampasan tetapi juga melanggar Dasar Ekonomi Baru yakni Dasar Ekonomi Baru akan dilaksanakan dengan cara yang akan menentukan bahawa “tiada golongan tertentu

yang akan mengalami apa-apa kerugian atau berasa ia dinafikan hak-hak, keistimewaan-keistimewaan, pendapatan; kerja atau peluang-peluang”; sama ada Kerajaan akan menarik balik keputusan itu kerana keputusan tersebut telah menimbulkan kepahitan dan rasa sakit hati.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Perkara tanah, Mengikut Perlembagaan, adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan negeri. Yang demikian sewajarnya pertanyaan seperti ini ditujukan kepada Dewan Undangan Negeri (Council Negeri) atau Kerajaan Negeri Sarawak.

KONSALTAN MENGAWASI KERJA- KERJA KONTRAK

30. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak kerja-kerja kontrak yang besar-besaran dalam negara ini perlu diawasi oleh konsaltan dengan memakan belanja yang begitu banyak sekali, tetapi ianya juga perlu kepada pengawasan Jabatan Kerja Raya dan sama ada benar bahawa kebanyakan daripada konsaltan tersebut adalah bukan rakyat Malaysai dan tidakkah memadai dengan penyeliaan JKR sahaja di mana wang dan juga masa dapat diselamatkan dan sama ada konsaltan luar negeri adalah lebih baik daripada konsaltan tempatan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Saya memang sedar banyak kerja-kerja kontrak besar adalah diawasi oleh Konsaltan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat projek-projek besar itu biasanya dibiayai oleh institusi luar negeri seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Yen Kredit yang mensyaratkan supaya konsaltan yang berdaftar dengan institusi tersebut dilantik untuk menjalankan kerja-kerja awalan, rekabentuk dan pengawasan projek. Walau bagaimanapun pengawasan JKR terhadap projek tersebut adalah perlu untuk menentukan supaya kerja-kerja yang dihasilkan adalah memenuhi kehendak dan dasar-dasar Kerajaan.

Adalah tidak benar kebanyakan perunding itu bukan rakyat Malaysia. Ini adalah kerana projek-projek yang dibiayai sendiri oleh Kerajaan Malaysia adalah diberi kepada konsaltan-konsaltan dalam negeri. Malah untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apabila satu-satu konsaltan daripada luar negeri dilantik mereka adalah disyaratkan supaya bergabung dengan firma-firma perunding dalam negeri dan juga mengambil rakyat Malaysia (sekurang-kurangnya 30% untuk bekerja dengannya).

USUL

RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT 1981-1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

mengambil perhatian atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkukuhkan lagi ketahanan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Keempat yang telah di rangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara berasaskan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10/81; dan

seterusnya *menyeru* semua rakyat Malaysia dari lapisan supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangan mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai selaras dengan objektif Rukunegara. (27hb Mac, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan atas Usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

akan dibahaskan di Dewan ini mulai pada hari ini sehingga hari Khamis, 2hb April iaitu empat hari diuntukkan dan Yang Berhormat Menteri akan mula menjawab pada hari Jumaat, 3hb April dan hari Isnin, 6hb April. Oleh itu kiranya saya dapati ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini maka waktu sidang ini akan dipanjangkan sehingga malam bagi memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan oleh sebab saya belum tahu lagi ramai mana yang hendak mengambil bahagian itu, saya belum tetapkan atau menghadkan masa bercakap. Walau bagaimanapun tidak lebih daripada 45 minit, tumpukan kepada isi sahaja — tidak usahlah banyak berbunga-bunga sastranya, terus kepada isi 45 minit, banyak isi boleh masuk di dalamnya dan saya beri juga peluang terutama kepada Ahli Yang Berhormat yang telah bangun dahulu pada masa membahaskan Titah Ucapan yang tidak berpeluang, umpamanya seperti Yang Berhormat dari Ulu Rajang, saya akan beri peluang, begitu juga Yang Berhormat dari Telok Anson dan beberapa nama yang saya sebut ada tercatat di sini. Jadi perbahasan atas usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang dibuka untuk perbahasan. Yang Berhormat dari Petaling.

3.36 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kita, kerana sembuh dengan begitu deras dari pembedahan jantungnya dan saya mengesyorkan kepada beliau agar beliau berihat secukup-cukupnya sebelum kembali ke jawatannya yang sungguh berat.

Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan di Parlimen oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada Jumaat lalu merupakan rancangan lima tahun yang ketiga dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang dari 1971-1990 bagi melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Kita tidak boleh lupa bahawa matlamat serampang dua Dasar Ekonomi Baru ialah untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya dapat menghapuskan

identifikasi kaum dengan fungsi-fungsi ekonomi, adalah bertujuan mencapai matlamat tunggal yakni perpaduan negara di antara berbagai-bagai kaum, bahasa, ugama dan kebudayaan di negara ini.

Dengan sebab itu kejayaan Rancangan Malaysia Keempat akan dihakimkan bukan dengan memperhitungkan berapa billion ringgit dibelanjakan untuk perbelanjaan awam, atau jumlah pelaburan, atau berapa tong minyak mentah yang akan dikeluarkan setiap hari, atau berapa banyak industri-industri baru akan dimulakan, atau berapa batu jalan yang akan dibina ataupun berapa banyak pelabuhan dan lapangan terbang akan dibina tetapi sama ada rancangan tersebut akan menyumbang secara berkesan ke arah mewujudkan sebuah negara dan rakyat yang bersatupadu.

Dengan perkataan yang lain, kayu ukuran yang harus digunakan untuk mengukur kejayaan atau kegagalan Rancangan Malaysia Keempat ataupun Rancangan Malaysia Ketiga, ialah sama ada ia dapat mengilham dan menggembelingkan segala tenaga, bakat dan sumber rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum ke arah tugas kebangsaan yang bersama untuk membina sebuah negara Malaysia yang bersatupadu, aman, adil dan makmur ataupun rancangan tersebut akan menjadikan rakyat Malaysia berkelahi dengan rakyat Malaysia yang lain, kaum dengan kaum, bahasa dengan bahasa, ugama dengan ugama, kebudayaan dengan kebudayaan, kelas dengan kelas.

Kita juga boleh menyimpulkan begini: sama ada Rancangan Malaysia Keempat akan membuat sumbangan ketara untuk Malaysianisekan pemikiran, sikap, nilai, dan cara hidup rakyat Malaysia, ataupun rancangan tersebut akan lebih menjadikan rakyat Malaysia bersikap lebih perkauman dalam pemikiran, sikap, dan nilai mereka dengan menjadikan orang-orang Melayu lebih Melayu, orang China lebih China, orang-orang India lebih India, dan adalah menjadikan semua yang bertentangan dengan tujuan Dasar Ekonomi Baru untuk menggalakkan perpaduan negara melalui matlamat serampang dua Dasar Ekonomi Baru.

Inilah sebabnya saya begitu tertarik dengan Bab VIII Rancangan Malaysia Keempat mengenai "Perpaduan dan Usaha membina Negara" kita yang melibatkan ke seluruh matlamat Dasar Ekonomi Baru dan juga outline perspective plan.

Perenggan 329 Rancangan Malaysia Keempat yang berbunyi: "Bahawa dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, perubahan-perubahan struktur dan pertumbuhan ekonomi yang pesat telah membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Walaupun matlamat meninggikan pendapatan, pengeluaran dan gunatenaga adalah penting, pencapaian perpaduan negara merupakan matlamat utama pembangunan. Tidak ada negara, walau bagaimana kaya sekalipun, akan kukuh dan selamat jika rakyatnya tidak bersatupadu dan kurang mempunyai semangat bertanggungjawab kepada negara."

Perenggan 357 RME mengatakan:

"Rakyat Malaysia Yang mempunyai latar belakang yang berbeza perlu menguatkan identiti kebangsaan serta menanam semangat kebangsaan dan cintakan tanahair. Mereka perlu menganggap berbezaan latar belakang mereka sebagai sumber kekuatan dan mengguna dengan sepenuhnya kebijaksanaan dan kekayaan warisan mereka. Mereka perlu menumpukan perhatian kepada persamaan pengalaman seperti tolak-ansur, muhibbah, berbaik-baik antara satu sama lain, hormat-menghormati, bertanggungjawab terhadap tugas, kesetiaan kepada keluarga dan perasaan merendah diri yang diperkuatkan oleh ajaran Islam dan ugama lain."

Soal perpaduan negaralah yang merupakan cabaran yang paling mendesak yang menghadapi Malaysia dalam sejarah 24 tahun kita kerana kita tidak pernah dihadapi dengan ancaman-ancaman yang begitu kompleks dan rumit terhadap integriti dan kedaulatan kebangsaan kita seperti sekarang.

Mungkin inilah sebabnya Kerajaan memutus untuk memberi peruntukan yang paling besar sekali yang tidak pernah

dilakukan dahulu untuk pertahanan dan keselamatan di bawah Rancangan Malaysia Keempat di mana sebanyak \$9.3 billion atau 23.8% dari jumlah peruntukan bagi Rancangan Malaysia Keempat akan dibelanjakan untuk tujuan pertahanan dan keselamatan.

Dari segi luar negeri, Malaysia kini berada dalam satu zaman dan rantau yang merbahaya di mana Persekutuan Indo-China yang dikepali oleh Hanoi dan disokong oleh Soviet Russia yang mempunyai sifat-sifat expansionis mengancam integriti kewilayahan dan perpaduan serantau negara-negara bukan Komunis di Asia Tenggara. Vietnam yang mempunyai ketenteraan yang paling kuat di Asia Tenggara bersama dengan Russia yang sedang mempertingkatkan tenteranya di Asia telah mengubah equation ketenteraan di rantau ini.

Vietnam kini telah menjadi pusat operasi-operasi ketenteraan Soviet di kawasan Asia-Pasifik di mana Soviet mempunyai access kepada bekas pengkalan tentera di Cam Ranh Bay yang dibina oleh Amerika Syarikat dengan menelan belanja sebanyak US\$2 billion yang mana pengkalan berkenaan mempunyai kemudahan-kemudahan pelabuhan disebelah satu pelabuhan semula jadi yang paling baik di seluruh dunia.

Pengkalan itu duduk berkangkang atas laluan-laluan utama minyak dan perdagangan di Laut China Selatan yang menuju ke dan dari Lautan India. Operasi kapal-kapal membawa bom Russia atau Soviet heavy bombers serta Cam Ranh Bay bermakna kapal-kapal Soviet jenis heavy bombers ini akan dapat sampai di Selat Melaka dalam masa dua jam.

Satu persoalan yang sering timbul dalam fikiran orang-orang di Asia Tenggara ialah sama ada Thailand yang merupakan negara benteng pertama boleh dapat mengatasi tekanan yang kian bertambah yang dikenakan oleh Vietnam yang disokong oleh Soviet Russia. Persoalan ini juga adalah juga mempunyai kaitan antarabangsa yang lebih besar, umpamanya peranan Amerika Syarikat dan China dalam satu perang baru di Asia Tenggara. Misalnya, tidak ada sebarang keraguan terhadap niat Negeri China untuk

memberi "ajaran kedua" kepada Vietnam yang telah menjadi faktor yang menghalang expansionisma Vietnam.

Apabila menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Rancangan Malaysia Keempat, Timbalan Perdana Menteri telah berkata bahawa Malaysia terpaksa memperkukuhkan segala keupayaan pertahanan dan keselamatan dalam negeri memandangkan keadaan politik yang tidak tentu di negara-negara lain terutamanya ancaman pencerobohan dan subversif yang dihadapi oleh negara-negara jiran.

Malaysia ini sesungguhnya menyaingi dengan masa untuk memperkukuhkan pertahanan dan kekuatan kebangsaannya. Akan tetapi, adalah satu kesilapan yang besar bagi sesiapa untuk memikir bahawa pertahanan Malaysia hanya boleh terjamin dengan membelanja beribu-ribu juta ringgit untuk pertahanan kerana jika itu benar, maka Saigon tidak akan tumbang untuk menjadi Bandaraya Ho Chi Minh hari ini.

Tanpa perpaduan negara, apa-apa amaun perbelanjaan ketenteraan dan alat-alat tentera tidak akan dapat mempertahankan Malaysia. Inilah sebabnya tugas yang maha penting bagi Malaysia untuk menggalakkan perpaduan negara kerana ia merupakan cara yang paling kuat untuk memperkukuhkan pertahanan dan kekuatan Malaysia, dengan menghapuskan segala ketidaksaksamaan dan ketidakadilan politik, sosial, ekonomi dan kebudayaan yang mungkin akan terbukti sebagai lebih bahaya atau fatal terhadap kedaulatan dan integriti kebangsaan dari pencerobohan dari luar.

Bagi Malaysia, tugas menggunakan setiap detik masa untuk membina secara konstruktif sebuah negara yang bersatupadu merupakan tugas yang paling mendesak kerana seorang penulis politik telah berkata baru-baru ini mengenai Malaysia bahawa dengan izin "for two long decades, there has been a constant feeling that the whole structure is hung by slender threads which could at any moment give way".

Tuan Yang di-Pertua: Bagi rekod Parlimen ini dari mana punca petikan itu?

Tuan Lim Kit Siang: Dari buku "The Full Circle" oleh Sharp.

Tugas tunggal yang sangat mendesak di Malaysia ialah untuk menjadikan orang-orang Melayu, China, India, Kadazan, Iban yang telah menjadikan negara ini tanahair mereka sebagai Malaysians. Kita harus menyakinkan setiap rakyat Malaysia bahawa meskipun mereka tidak mempunyai masa lampau yang sama, namun mereka mempunyai masa depan yang sama. Terpulanglah kepada mereka untuk sama-sama bekerja ke arah satu destiny yang sama dan jika tidak, nasib mereka bergantung secara asing.

Dari segi antarabangsa, terdapat kuasa-kuasa yang jahat ingin Malaysia dipecah-belahkan dengan membuatkan satu kaum mencurigai satu kaum yang lain, uripamanya, dengan menyebarkan "line" yang merbahaya yakni rakyat Malaysia keturunan China adalah tidak taat setia dan merupakan "fifth-colummists" Komunis China.

Apa yang lebih dasyat dan harus dikutuk ialah terdapat rakyat Malaysia yang ingin mengasingkan kaum-kaum di negara ini dengan mengutarakan doktrin-doktrin yang ekstremis dan chauvinis atau bigoted religious doctrines. Terdapat pemimpin-pemimpin politik yang untuk faedah dan kemajuan politik sendiri mereka, sanggup membuat tuntutan-tuntutan yang tidak bertanggungjawab, ekstremis dan chauvinis tanpa memperdulikan kesan dan bahaya tuntutan-tuntutan tersebut yang akan menyebabkan polarisasi kaum yang lebih.

Saya sudah sebut dalam perbahasan dahulu kes-kes semacam ini di mana ada dua kes saya ada sebut dan saya tidak mahu ulangi. Satu kes ialah seruan Ketua Pemuda UMNO tahun lalu untuk melaksanakan Fasal 21 (2), Akta Pelajaran 1961 mengenai sekolah-sekolah rendah Cina dan Tamil. Dan baru-baru ini mengenai sikap beliau berkenaan perkara UMBC.

Seruan yang dibuat dalam Kongres Ekonomi Bumiputra Ketiga tahun lalu agar matlamat Dasar Ekonomi Baru di mana orang-orang Bumiputra harus mempunyai 30% syer dalam bidang perusahaan dan

perdagangan ditingkatkan kepada 51% juga termasuk ke dalam kategori extremism ini. Ini pula diikuti dengan seruan yang dibuat oleh Ketua Pemuda UMNO supaya kawalan dikenakan ke atas kemajuan ekonomi orang-orang bukan bumiputra untuk mengurangkan jurang ekonomi di antara orang-orang bukan bumiputra dan orang-orang bumiputra.

Tetapi, apa yang tidak diketahui ialah dalam Perhimpunan Agong Pemuda UMNO satu kempen berpangkat tinggi bagi tahun 1990an telah dimulakan yang boleh disifatkan sebagai out-Suhaimi Suhaimi. Orang ketiga yang bertanding untuk merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO, Hang Tuah Arshad, seorang UMNO putra yang menjadi ahli elit yang telah memperolehi keuntungan akibat DEB telah menerbitkan sebuah buku dengan mutu kertas yang tinggi bertajuk "Revolusi, Sikap dan Perjuangan Grand Ekonomi Tahun 2,000 (1980-2000)" yang mana buku tersebut telah menetapkan tujuan-tujuan dan program yang harus diikuti oleh orang-orang Melayu.

Hang Tuah Arshad telah menuntut supaya DEB digantikan dengan Dasar Grand Ekonomi dengan matlamat mencapai 50% penyertaan bumiputra dalam bidang perusahaan dalam Tahun 2000, dan selepas itu, meneruskan "mulai tahun itu bahawa beliau kata kita mesti memperjuangkan ke matlamat penguasaan sepenuhnya aktiviti ekonomi tanpa berperasaan was-was dan segan-segan."

Untuk mencapai matlamat ini, Hang Tuah Arshad telah mencadangkan supaya subjek masalah-masalah ekonomi Melayu, dijadikan satu isu sensitif dengan mengadakan satu pindaan kepada Perlembagaan yang mana perkara ini tidak akan dibenarkan dipersoalkan.

Baru-baru ini, di Bintulu dalam Sarawak Lembaga Pembangunan Bintulu telah mengenakan dengan sewenang-wenangnya satu peraturan yang anti-DEB dan tidak berperlembagaan yang menyatakan bahawa sebelum kemajuan satu-satu tanah boleh dijalankan, 50% daripada tanah itu hendaklah ditawarkan kepada orang-orang bumiputra.

Ironi besar ialah bahawa kesemua seruan ekstremis ini untuk menambahkan penguasaan bumiputra daripada 30% kepada 51% dan objektif Grand ekonomi yang dikatakan untuk mendapat 100% monopoli bumiputra dalam perdagangan dan perusahaan tidaklah datang daripada kaum petani, nelayan atau pekerja Melayu yang tidak mendapat banyak faedah dalam 10 tahun pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tuntutan-tuntutan ini datang daripada mereka yang telah menerima banyak faedah-faedah Dasar Ekonomi Baru—iaitu UMNO-putra yang telah menjadi tamak untuk mendapat lebih lagi bagi dirinya sendiri dan bukan untuk rakyat Melayu biasa yang miskin.

Sementara kami memuji ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa mencadangkan usul pada hari Jumaat lalu bahawa “Ketamakan dan ekstremism mana-mana golongan akan melemahkan dan menghancurkan keamanan dan kemakmuran yang kita menikmati sekarang,” terdapat keraguan di kalangan orang ramai bahawa sama ada pemimpin-pemimpin Kerajaan menyatakan demikian berasaskan kepada contoh-contoh tersebut, ataupun sebenarnya ini ditujukan kepada mereka yang cukup berani dan gagah untuk menentang ketamakan dan ekstremisma seumpama itu.

Dekad keenampuluan dan ketujuh-puluan telah menjadi dekad-dekad yang memecah-belah rakyat yang tidak patut dibenarkan berlaku lagi sekiranya Malaysia hendak memupuk perpaduan negara dan “inner resilience” untuk mengatasi segala ugutan dan tekanan liar dalam tahun-tahun kelapanpuluhan.

Rancangan Malaysia Keempat hendaklah satu Rancangan Perpaduan dan Reconciliation untuk memberi setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum tempatnya di tanah tumpah darahnya sejajar dengan ketataan dan kerakyatan yang tidak berbelah bahagi.

Untuk Rancangan Malaysia Keempat menjadi satu Rancangan Perpaduan dan reconciliation sebagai alat untuk menyatupadukan semua kaum dan rakyat yang berbilang bangsa di Malaysia, Kerajaan

hendaklah menunjuk dirinya dengan perbuatan dan bukan kata-kata sahaja, iaitu:

Pertama, ia adalah satu Kerajaan untuk semua rakyat, semua bangsa dan golongan;

Kedua, ia berdedikasi untuk menghapuskan kemiskinan dan penentangannya terhadap kemiskinan tidaklah memihak mana-mana kumpulan bangsa yang tertentu;

Ketiga, usaha-usaha penyusunan semula Kerajaan untuk menghapuskan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi tidak menjadi satu penyusunan bersifat memilih yang membawa faedah kepada satu golongan bangsa sahaja;

Keempat, bahawa ia peduli akan masalah-masalah aspirasi-aspirasi semua rakyat Malaysia, tanpa mengira kaum, macam seperti mengapa dalam tahun-tahun ketujuh-puluhan terdapat begitu ramai cerdik-pandai atau profesional Malaysian yang berhijrah ke lain-lain negara lalu menyebabkan bukan sahaja satu “brain-drain” yang amat teruk tetapi juga menunjukkan dilema rakyat Malaysia yang ingin memberi segala tenaga, kemahiran dan sumber kepada kepentingan negara tetapi telah dipaksa berhijrah ke negara lain kerana dasar dan sikap berperasaan dan tidak ber-simpaty mereka yang berkuasa.

Saya akan bincang dengan lebih dalam lagi beberapa perkara tersebut di atas semasa saya sentuh Rancangan Malaysia Keempat. Tetapi, saya mahu pemimpin-pemimpin Kerajaan menyedari bahawa salah satu penghalang besar kepada perpaduan negara ialah sikap pemimpin-pemimpin politik tertentu, termasuk beberapa orang yang telah berulang kali melahirkan pandangan-pandangan seumpama itu dalam Dewan yang mulia ini yang mana mereka menganggap orang-orang bukan Melayu sebagai tidak taat dan anti-nasional walaupun kebanyakan golongan bukan Melayu ini adalah lahir di negara ini dan tidak ada mana-mana negara lain yang mereka boleh menganggap sebagai tanah tumpah darah mereka, dan seperti saya dan rakan-rakan saya dalam DAP, mereka

bersedia untuk mengorbankan nyawa mereka untuk mempertahankan kedaulatan negara dan integriti kewilayahan sekiranya berlaku sebarang serangan terhadap Malaysia dari mana-mana pihak atau negara.

Rancangan Malaysia Keempat menuntut bahawa dasar-dasar untuk menghapuskan kemiskinan, bersamaan dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat serta harga pasaran dunia yang menguntungkan bagi komoditi-komoditi eksport yang besar Malaysia, membawa kepada penurunan kesan kemiskinan daripada 49.3% dalam 1970 kepada 29.2% dalam 1980. Tanpa satu penjelasan yang penuh tentang definisi garis kemiskinan, angka-angka tersebut adalah sangat diragukan.

Semasa membahaskan Rancangan Malaysia Ketiga, saya telah membangkitkan beberapa bantahan tentang penggunaan satu garis kemiskinan yang mana detailnya hanya diketahui oleh Kerajaan. Adalah penting bahawa Kerajaan memberi satu keterangan penuh tentang bagaimana ia menetapkan garis kemiskinan, iaitu sama ada satu pendapatan sama digunakan bagi orang-orang miskin di luar bandar dan bandar, walaupun sara hidup di kawasan-kawasan bandar adalah lebih tinggi; sama ada pendapatan garis kemiskinan telah dikaji semula bagi 1970, 1975, 1980 dan seterusnya. Walaupun Rancangan Malaysia Ketiga menyatakan bahawa garis kemiskinan memang mengambil kira keperluan-keperluan asas bagi sesuatu isi rumah Malaysia purata untuk memberi setiap keluarga kesihatan yang baik dan juga memberi keperluan-keperluan minima dalam pakaian, perumahan, pengurusan isi rumah dan pengangkutan, kegagalan Kerajaan untuk memberi penjelasan penuh mengenai bagaimana ianya ditetapkan tentu jauh daripada nilai tuntutan tersebut.

Hendaklah diperhatikan bahawa tuntutan tersebut di atas mengenai pengurangan golongan miskin daripada 49.3% dalam 1970 kepada 29.2% dalam 1980 adalah hanya bagi Semenanjung Malaysia. Tidak ada sebarang angka bagi negeri Sabah dan Sarawak dan oleh yang demikian, tidak ada sebarang

matlamat tertentu ditetapkan bagi mengurangkan kemiskinan di negeri Sabah dan Sarawak.

Ini adalah sangat-sangat dikesali, dan ia membuktikan benar akan memperkuatkan tuduhan-tuduhan dan aduan-aduan rakyat negeri Sabah dan Sarawak bahawa mereka adalah dianak titikan dalam proses pembangunan negara. Sebenarnya, orang-orang yang miskin di Sabah dan Sarawak, seperti "shifting cultivators" Iban, mungkin lebih miskin daripada mereka dalam golongan miskin dalam Semenanjung Malaysia.

Penyerangan ke atas kemiskinan di Sabah dan Sarawak hendaklah diberi keutamaan oleh Kerajaan.

Mengikut Banci Pertanian 1977, adalah dianggarkan bahawa 37.7% daripada jumlah isi rumah adalah miskin dalam 1976—dengan kesan kemiskinan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak seperti 35.1%, 51.2% dan 51.7% masing-masing. Dalam tertakata benar, lebih kurang 879,000 isi rumah adalah miskin iaitu 78.3% atau 688,300 isi rumah di Semenanjung Malaysia, 9.5% atau 83,900 isi rumah di Sabah dan 12.2% atau 107,100 isi rumah di Sarawak.

Saya menyeru Kerajaan untuk mengubah Rancangan Malaysia Keempat supaya disertakan satu matlamat beransur-ansur untuk mengurangkan hilangan isi rumah yang miskin di Sabah dan Sarawak, yang mana kini matlamat seumpama ini hanya untuk Semenanjung Malaysia.

Rancangan Malaysia Keempat menyebut tentang program-program yang dilaksanakan untuk menolong golongan-golongan yang tertentu yang dimatlamatkan untuk terkeluar daripada garis kemiskinan, iaitu pekebun-pekebun kecil getah, pesawah-pesawah padi, pekebun-pekebun kecil kelapa, pekerja-pekerja ladang, nelayan-nelayan, petani-petani campuran dan penduduk-penduduk kampung baru.

Saya teringat satu lawatan yang saya buat ke satu kampung baru di negeri Pahang seminggu dahulu. Apabila memasuki kampung baru Mengkarak dalam kawasan

Parlimen Temerloh, jalan tanah merah sepanjang dua batu itu menjadi seperti padang pasir yang diancam dengan ribut pasir apabila kita melalui jalan itu. Apa yang memeranjatkan ialah jalan itu sebenarnya adalah jalan tar dahulu. Sementara negara kita maju dengan berbagai rancangan pembangunan, dan dengan pelancaran Rancangan Malaysia Keempat yang berharga \$40 billion, kampung baru Mengkarak telah mundur—di mana jalan tar telah tukar wajahnya menjadi jalan tanah merah.

Meskipun permintaan untuk membaiki jalan tar itu dibuat berulang kali, pihak berkuasa yang berkenaan tidak peduli langsung akan aduan-aduan itu. Sebenarnya, saya mendapat ketiadaan penjagaan asas dan kemudahan-kemudahan asas bagi penduduk-penduduk di kampung baru Mengkarak. Jalan-jalan kampung baru itu adalah dalam keadaan buruk. Tidak juga ada satu klinik Kerajaan seperti terdapat dalam kampung-kampung yang berhampiran, tidak ada bekalan letrik yang tetap, tidak ada hak milik tanah bagi lot-lot perumahan dalam kampung baru itu walaupun penduduk-penduduk di situ telah tinggal dalam kampung baru selama lebih kurang 30 tahun. Apatah lagi, bila bilangan penduduk-penduduk kampung baru ini bertambah, tanah kawasan kampung baru itu masih tetap seperti dahulu.

Sebenarnya, kemunduran dalam pembangunan yang dihadapi oleh kampung baru Mengkarak di mana jalan tar menjadi jalan tanah merah menunjukkan pengabaian yang dirasakan oleh penduduk-penduduk dalam lebih kurang 465 buah kampung baru di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin bolehkah saya minta masa lebih panjang untuk perbahasan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah katakan 45 minit tadi.

Tuan Lim Kit Siang: 45 minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, Yang Berhormat berucap sampai pukul 4.22 petang.

Tuan Lim Kit Siang: 4.22 petang?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya dapat masa panjang sedikit oleh kerana ini Rancangan Malaysia Keempat yang sangat

Tuan Yang di-Pertua: Itu betul tetapi panjang sangat perkaranya; quote sana, quote sini, diulang perkara-perkara yang sudah-sudah. Itu yang menjadi panjang. Saya tadi sudah mengingatkan tentang Peraturan Mesyuarat 36, jangan bangkitkan perasaan yang menyakitkan hati orang lain tetapi belum sampai kepada sempadannya itu, saya biarkan juga. Latitude itu saya gunakan tetapi Ahli Yang Berhormat yang lain nanti akan membalas pula, latitude itu juga saya gunakan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

Sungguhpun dalam awal tahun 1970an, DAP telah menyuarakan dengan lantangnya di dalam Parlimen agar Kerajaan memberi perhatian yang lebih kepada penduduk-penduduk kampung-kampung baru untuk menentukan bahawa mereka juga termasuk dalam aliran pembangunan, namun Kerajaan hanya telah membuat beberapa 'token gestures' ke arah ini, seperti melantik seorang Menteri Kampung-kampung Baru dalam tahun 1970an dan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan telah mengiktirafkan mereka sebagai golongan miskin yang spesifik. Tetapi, tidak ada apa-apa yang konkrit yang dibuat untuk meninggikan keadaan sosio-ekonomi mereka.

Dari tahun 1970, selepas 20 tahun bilangan penduduk di kampung-kampung baru telah melipat ganda kepada lebih dari sejuta orang, dan ini merupakan 10 peratus dari jumlah bilangan penduduk Malaysia tetapi saiz tanah kampung-kampung baru ini masih sama.

Beberapa kajian yang dijalankan ke dalam kampung-kampung baru menunjukkan bahawa masalah-masalah utama yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru ialah soal kesesakan penduduk, hutang dan peluang-peluang

ekonomi yang terhad. Kemudahan-kemudahan pelajaran adalah kurang mencukupi di beberapa buah kampung baru yang memaksa penduduk-penduduknya mula bekerja waktu mereka masih terlalu muda. Juga, disebabkan kekurangan tanah, petani-petani ini terpaksa mengerjakan tanah-tanah kecil yang tidak berfaedah dari segi ekonomi dan ini telah menyebabkan masalah-masalah underemployment. Bilangan murid-murid yang tercicir dari sekolah-sekolah rendah di kampung-kampung baru adalah juga terlalu tinggi.

Kampung-kampung baru telah diperuntukkan sebanyak \$30 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga dan di bawah RM4 pula, sebanyak \$30 juta lagi diperuntukkan. Ini adalah tidak mencukupi apabila kita memandangkan terdapat 465 kampung-kampung baru dan amaun yang diperuntukkan adalah terlalu sedikit sangat untuk membaiki jalan-jalan, parit-parit dan tempat-tempat permainan.

DAP menyeru Kerajaan supaya jangan memberi layanan yang begitu kedekut kepada kampung-kampung baru dan Kerajaan hendaklah memperuntukkan \$300 juta di bawah RM4 untuk pembangunan sosio-ekonomi 465 kampung-kampung baru di negara ini termasuk memperluaskan sempadan kampung-kampung baru untuk mengadakan tanah yang lebih untuk menampung bilangan penduduk yang kian bertambah pesat, serta juga mengujudkan peluang-peluang ekonomi untuk penduduk-penduduk kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik dengan Jadual 5-4 RM4 yang menunjukkan bahawa sungguhpun ada sosial indicators di beberapa segi berlaku kemunduran yang menunjukkan bahawa untuk seluruh negara ratio orang-orang kepada per registered doctor dalam Malaysia ini sudah menaik dan bukan menurun. Ini menunjukkan sebenarnya masalah yang timbul selepas imigrasi doktor-doktor keluar negeri. Dan untuk Dentists serta yang lain-lain menunjukkan nisbah-nisbah dentists/peduduk-penduduk di beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang, Selangor, Perak keadaannya bukan berubah tetapi menjadi lebih mundur.

RM4 mengatakan bahawa tingkat pendapatan penduduk dalam kumpulan empat puluh peratus terendah dalam agihan saiz pendapatan di Semenanjung Malaysia yang merupakan sebahagian besar dari penduduk miskin telah bertambah baik. Sepertimana ditunjukkan oleh Jadual 3-3, pendapatan purata isi rumah bagi kumpulan empat puluh peratus terendah bagi tahun 1970, 1976 dan 1979 telah bertambah dari \$76 dalam tahun 1970 kepada \$142 dalam tahun 1976. Menjelang tahun 1979, pendapatan purata ini telah meningkat kepada \$186, iaitu sebanyak 145% lebih tinggi dari tahun 1970 tanpa memperhitungkan bahawa nilai ringgit telah merosot.

Dalam erti kata pembahagian pendapatan di antara golongan-golongan ethnic, pendapatan purata orang-orang Melayu masih terus di bawah pendapatan purata kebangsaan. Akan tetapi, pendapatan purata orang-orang Melayu telah bertambah dengan kadar yang terlalu tinggi berbanding dengan kaum-kaum lain dalam tempoh 1971-1979 dengan mengurangkan jurang di antara pendapatan purata Melayu dengan pendapatan purata kebangsaan dari 34.8% dalam tahun 1970 kepada 32.7% dalam tahun 1979. Meskipun, pendapatan purata kaum Cina dan India adalah mengatasi pendapatan purata Kebangsaan, namun nisbah pendapatan purata mereka dengan pendapatan purata kebangsaan juga telah merosot dalam tempoh yang asas.

Angka-angka ini sebenarnya menyembunyikan perbezaan pendapatan yang begitu besar di antara kaum dan khususnya dalam setiap kumpulan ethnic sendiri.

Dalam satu seminar mengenai pembangunan dalam tahun 80an baharu-baharu ini yang diadakan di Universiti Kebangsaan ada satu laporan bahawa apabila dibandingkan tahun 1957 dengan tahun 1976 mereka yang dalam golongan termiskin sekali dalam 40% dapat bahagian yang lebih kecil selepas tahun-thun itu dan mereka yang dalam 20% ialah yang terkaya sekali, apabila dibandingkan tahun 1957 dengan tahun 1976 mereka mendapat bahagian kekayaan lebih besar. Ini menunjukkan bahawa disparity of

income di negara sudah menjadi satu masalah yang sangat besar baikpun inter kaum atau intra kaum.

Tuan Yang di-Pertua, di antara 1973 hingga 1980, kontrak-kontrak Kerajaan berjumlah ribu juta telah dikeluarkan. Adalah diketahui umum bahawa dalam kontrak-kontrak besar Kerajaan rasuah adalah menjadi satu masalah yang besar yang mengakibatkan kontrak-kontrak itu dinaikkan nilainya sebanyak 5% hingga 10% dan ini bermakna sejumlah besar wang sebanyak \$400 juta dari wang perbelanjaan awam akan masuk ke dalam saku orang-orang yang berasuah.

Secara kebetulan, majallah *Time* dalam keluarannya bertarikh Mac 16, 1981, telah mengatakan dalam satu rencana mengenai "Big Profits Big Bribery" bahawa bayaran-bayaran 'under the table' dilakukan di berbagai-bagai negara dan rencana ini menyebut berkenaan dengan Malaysia bagaimana melalui golf games atau main judi dengan sengaja kalah supaya mereka yang berjawatan tinggi boleh dapat keuntungan yang besar atau satu bribery secara itu.

Dalam satu rencana Khas mengenai "Big Takers" dalam *Time* magazine itu yang menyebut nama lima buah negara juga tergolong dalam senarai itu, Malaysia dikatakan adalah sama dengan negara-negara lain seperti Argentina, Indonesia, Mexico dan Arab Saudi di mana rencana tersebut mengatakan "approximate mark-up on contracts" untuk Malaysia adalah sebanyak 5% hingga 10%. Sepertimana dikatakan oleh saya dalam perbahasan minggu lalu rasuah di tempat-tempat atasan telah menjadi-jadi sehingga ia menjadi satu cara hidup dan apa yang membingungkan ialah Biro Siasatan Negara sedang hidup dalam dunia yang tersendiri.

Di bawah Rancangan Malaysia Keempat belanja dan kontrak-kontrak Kerajaan akan meningkat lagi dan bahaya rasuah akan menjadi lebih dahsyat. Saya khususnya memandang berat bahawa pemeriksaan rapi dan integrity yang tinggi hendaklah diadakan dalam belanja-belanja yang melibatkan beratus-ratus juta ringgit kerana "mark-up"

sebanyak 5 atau 10% akan mewujudkan beberapa jutawan dengan sekelip mata. Ini adalah lebih khusus dalam belanja-belanja untuk pertahanan yang mana bagi lima tahun akan datang sebanyak \$9.3 billion akan dibelanjakan untuk maksud tersebut.

Pada penghujung tahun lalu majallah *International Defence Review* telah memuat satu rencana yang melaporkan tentang bantahan-bantahan yang dibuat oleh pembuat-pembuat kenderaan pertahanan terhadap cara Kementerian Pertahanan Malaysia memilih kenderaan-kenderaan pertahanan. Kementerian Pertahanan (Mindef) ingin membeli Fire Support Vehicles (FSV) dan Armoured Personnel Carriers (APC) untuk pembentukan satu Armoured Corps yang mana Corps tersebut memerlukan 350 buah APC dan FSV.

Ramai pembuat-pembuat kereta Armoured Vehicles dari Eropah dan Amerika Syarikat telah mengemukakan kenderaan mereka untuk pertimbangan Kementerian Pertahanan dalam tahun 1979 akan tetapi pembuat-pembuat berkenaan mengadu terdapat ketidaktepatan pihak Kementerian Pertahanan berkait dengan kehendak-kehendak asal atau original outline requirements dan perubahan-perubahan selepasnya berkait dengan kehendak-kehendak berkenaan.

Menurut majallah *International Defence Review* 4/180, winter edition dalam proses pemilihan awal APC dan FSV, pegawai-pegawai Malaysia telah memberitahu wakil pembuat-pembuat bahawa ada dua kehendak utama untuk kenderaan-kenderaan baru itu, bahawa ada satu rekod penjualan; yang kedua, bahawa spare parts dalam life-cycle itu akan boleh dijamin. Tetapi selepas itu ada timbul lain-lain syarat yang pembuat-pembuat (manufacturers) tidak tahu dan berbagai-bagai pembuat kelengkapan pertahanan ini telahpun menghantar kenderaan-kenderaan mereka untuk ujian dan penilaian di Malaysia dan mereka mengadu dengan sengit apabila pihak Mindef mengubah dan memotong keperluan-keperluan teknik itu yang mana keperluan-keperluan itu tidak disebut dengan terangnya.

Akibat protes-protes yang tersebut, sungguhpun saya tahu pihak Mindef sudah shortlist dua jenis kenderaan untuk Fire Support Vehicles ialah "SIBMAS" dibuat oleh Belgium yang menelan belanja sebanyak \$900,000 untuk 140 buah Fire Support Vehicles dan kenderaan "Urutu" buatan Brazil yang menelan belanja lebihkurang \$600,000 Mindef berputus selepas tiga tahun penilaian dan penyiasatan untuk keluarkan tender dokumen.

Yang sebenarnya tiga tahun dahulu itulah yang patut dibuat, keluarkan tender dokumen dengan specification apa yang mahu dan bukan selepas tiga tahun pergi siasat, pergi pilih dan apabila ada protes mengenai cara baru dibuat. Ini adalah menunjukkan bahawa cara-cara yang bukan sahaja tidak memuaskan hati tetapi mungkin menimbulkan impropriety dan irregularity dan apa yang mengkagumkan orang-orang dalam Perkhidmatan Pertahanan ialah specification untuk kereta-kereta APC ialah merupakan sebuah four wheel vehicles; sungguhpun specification untuk Fire Support Vehicles ialah enam roda. Ini oleh kerana dalam normal battalion formation Armoured Personnel Carrier dan Fire Support Vehicles akan sama berjalan dan tentulah satu kereta dengan enam roda akan lebih kuat dan ini diikuti dengan empat roda vehicles mungkin akan menghindarkan operasi-operasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, ini bukan sahaja satu masalah mengenai pembelian kenderaan baikpun Fire Support Vehicles atau Armoured Personnel Carrier, mengenai pembelian oleh Mindef Tank pun menimbulkan satu keraguan mengenai cara yang berpatutan dijalankan dalam proses-proses pembelian di mana yang bernilai dan yang berharga beratus-ratus juta ringgit. Pihak Kementerian Pertahanan (Mindef) hendak membeli 56 buah Tank untuk Armoured Corps dan mereka ada timbang "Vickers" Tank daripada UK, "AMX" Tank daripada France dan "TAM" daripada Germany. Semua Tank ini ada dinilai (evaluated) di luar negeri dan bukan di dalam negeri seperti apa yang berlaku oleh Fire Support Vehicles dan Armoured Personnel Carrier di mana mereka melalui syarat-syarat atau environment Malaysia menunjukkan

sama ada mereka boleh mengadakan prestasi yang perlu dan saya dapat tahu bahawa Thyssen Henschel pembuatan Germany TAM Tanks ada di Malaysia untuk menjualkan Tank TAM. Ini yang sebenarnya satu Tank yang didesign khas untuk Argentina, yang dibuat di Argentina, untuk kegunaan Argentina specification oleh kerana beratnya tidak lebih daripada 30 tan dan saya tidak tahu kenapa Mindef di Malaysia pun mengambil satu keputusan bahawa mereka mahu tank yang tidak lebih daripada 30 tan beratnya. Nampaknya mungkin atas alasan-alasan bahawa jambatan-jambatan di utara tidak boleh memikul berat itu tetapi yang saya dapat tahu satu Tank Regiment sebenarnya adalah satu Regiment yang selfsufficient di mana ada jurutera-jurutera yang boleh membaiki atau membina jambatan oleh kerana dalam satu-satu peperangan hendaklah berfikir bahawa ada jambatan-jambatan untuk tank-tank boleh digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, pembelian 56 TAM Tanks kalau dibeli purata \$4.5 juta satu tank yang sejumlahnya \$252 juta. Ini akan bukan sahaja sangat mahal tetapi mungkin tidak sesuai untuk syarat-syarat Malaysia dan yang saya dapat tahu Kerajaan Jerman Barat sendiri pun tidak mengakui TAM Tank ini sebagai satu tank tetapi sebagai satu heavy armoured vehicle sahaja oleh kerana tidak selaras dengan keperluan-keperluan (requirements) NATO dan saya pun tidak faham.

Saya rasa sangat perlu dan kita pun fikir bagaimana kita mengenai satu Tank Corps bukan untuk mengadakan guerilla warfare dengan komunis-komunis di dalam hutan tetapi mungkin untuk apa yang berlaku di negara-negara jiran kalau ada berlaku tank-tank Vietnam yang datang dan apabila kita tahu di Vietnam mereka ada tank Russia T-54, T-55, tank Amerika pun yang tinggal di sana M-60, M-48 semuanya yang lebihkurang 50 tan dan tentulah kalau mahu lawan 30 tan dengan 50 tan bukan sahaja kita akan dalam keadaan satu disadvantage tetapi pun tidak ada ballistic immunity di mana peluru-peluru boleh masuk tank-tank yang lebih kuat yang akan datang daripada utara.

Sebab itu saya rasa sangat mustahak bahawa perkara ini dinilai semula, bahawa saya suruh Mindef mengadakan satu fikiran yang lebih mendalam oleh kerana bukan sahaja daripada segi harga sangat tinggi tetapi pun daripada segi kegunaan pun menimbulkan masalah. Itu bukan sahaja terhad kepada tank dan fire support vehicles dan armoured personnel carrier pun howitzers, 155-MM howitzers yang akan saya dapat tahu Mindef akan beli yang berharga \$314 juta daripada Sweden; sungguhpun ada howitzers yang lebih proven yang separuh harganya. Ini akan menjadi bukan kali yang pertama di mana kita akan ada 155-M howitzers dan dahulu kita ada 105, oleh kerana itulah ada conventional warfare yang kita hadapi dan oleh kerana mungkin apa yang berlaku di rantau Indo-China yang perlu membeli 150-MM howitzers dengan ada range yang lebih panjang. Nampaknya ada 4 type howitzers yang shortlisted dan Mindef nampaknya lebih suka Swedish made "Bofors" FH-77B yang satu prototype, ertinya ialah tidak ada peruntukan itu dalam dunia yang digunakan oleh sesiapa. Dan inilah akan menimbulkan masalah-masalah khasnya radar 1 di negara kita bukan begitu baik. Kalau saya tidak silap baru tiga tahun dahulu Bofors ada bekalkan 12 anti-aircraft guns, 40L70 anti-aircraft guns dan pihak tentera sudah dapati bahawa ada beberapa masalah sungguhpun perbelanjaannya \$55 juta, sebagai contoh anti-aircraft guns itu berjalan tidak begitu sempurna, boleh transmit impluse dan tak boleh menerima impluse sebagai masalah barrel decoppering iaitu the barrel wear of the gun was more excessive.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, ada dua minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan sebab itu life span senjata itu sangat pendek. Dan oleh kerana Bofors FH 77B ialah satu prototype saya rasa ini bukan satu keputusan yang sepatutnya dibuat. Saya pun menyeru pihak Mindef mengadakan satu review dalam semua perkara ini. Saya dapat tahu bahawa satu Austrian-made gun iaitu C.45 yang lebih sesuai dan lebih murah dan semua perkara ini

untuk mengurangkan belanja iaitu bahawa dalam belanja yang berharga beratus juta ringgit bahawa proses ini mesti terbuka.

Janganlah kita bohong bahawa ini dalam proses membeli alat-alat tentera itu merupakan satu secret, orang di dunia semua tahu siapa mahu beli senjata, itu tidak secret dan lebih baik rakyat tahu apa kriteria untuk membeli alat-alat senjata sama ada sesuai untuk kegunaan negara ini dan lain-lain dan kita tidak mahu keadaan berlaku di mana perkara semacam ini belanja beratus-ratus juta ringgit menjadi satu perkara yang mana ada berlaku under the counter.

Di negara ini orang yang saya dapat tahu bahawa defence procurements ada seorang yang menjadi satu Czar dan semua orang yang di luar negeri yang mahu jual senjata jumpa dia terlebih dahulu seumpama membeli Spica M. Saya rasa ini tidak sihat.

Saya rasa ini tidak berpatutan dan mesti diadakan satu siasatan yang terbuka dan ditubuhkan Jawatankuasa Parlimen supaya perkara ini tidak berlaku lagi dan tidak ada seorang menopolise untuk defence procurements ini dan sama ada untuk Spica M, kontrak untuk Corvette \$200 juta, MCMV (Mine Counter Measure) \$450 juta atau Italian-made howitzers 105mm \$20 juta atau \$80 juta untuk 5.56mm ammunition for rifles atau anti-aircraft Bofor system \$50 juta. Nampaknya semua melalui seorang agent. Saya rasa ini satu monopoli, bukan sahaja satu monopoli yang tidak sihat, kita mahu satu sistem yang terbuka dan masalah keselamatan tidak dirosakkan dan ini akan dapat mengadakan satu sistem yang lebih bersih lebih patut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Setapak.

4.25 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama hendak mengambil bahagian membahaskan Rancangan Malaysia Keempat.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh sedikit mengenai perbahasan yang telah dikemukakan oleh Ketua Pembangkang. Pada pendapat saya Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam beberapa pandangan beliau banyak menitikberatkan keutamaan faedah kepada satu kaum sahaja dan mengkritik rancangan-rancangan Kerajaan. Sebagai contoh beliau menyentuh masalah kesulitan yang dihadapi oleh penduduk kampung-kampung baru sahaja. Beliau tidak ada menyentuh masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung asli dan juga kesulitan dalam pelaksanaan yang dihadapi oleh pihak Kerajaan dan beliau menganggap seolah-olahnya kesulitan pelaksanaan itu sengaja diwujudkan oleh pihak Kerajaan kita. Jadi dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacitalah saya minta kerjasama atau menasihatkan Ketua Pembangkang bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat ini kita minta pihak parti Pembangkang memikirkan masalah kesulitan yang dihadapi oleh Kerajaan, kelemahan-kelemahan yang wujud dalam negara kita yang berbilang kaum ini. Juga saya sangat

Tuan Lim Kit Siang: Sayapun dalam ucapan saya mahu sebut mengenai masalah orang Melayu, Kadazan, Iban di luar bandar tetapi oleh kerana masa yang pendek ada sebahagian besar saya belum utarakan sebab itulah saya tidak bercakap tadi, bukan kerana mahu tinggalkan.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Saya harap perkara ini lain kali sama-samalah dicukupkan masanya supaya ucapan Ahli Yang Berhormat itu tidak nampak berbelah bagi tetapi sekarang ini telah direkodkan pada pendapat saya ucapan beliau menitikberatkan satu kaum sahaja dan menyalahkan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keempat ini sukacita saya menitikberatkan kepada Kerajaan iaitu keterangan yang diberi dalam Jadual 11-6 mengenai imbalan Pembayaran 1981-1985. Dalam catitan yang dibuat daripada Timbangan Pembayaran ini jelas walaupun besar jumlahnya yang terlibat iaitu mengenai eksport barangan, imbalan perdagangan yang berlebih sebanyak \$35,241,000 dan baki

ke atas perkhidmatan, Tuan Yang di-Pertua, begitu besar sebanyak \$34,910,000 dan apabila dicampurkan lagi pindahan bersih sebanyak \$480 juta. Maknanya imbalan dalam akaun semasa kita kekurangan sebanyak \$149 juta. Di sini menunjukkan, Tuan Yang di-Pertua, negara kita banyak terpaksa membelanjakan sejumlah besar daripada segi pendapatan kita dalam akaun perkhidmatan yang terdiri daripada bayaran tambang pengangkutan dalam perkara import eksport dan juga banyak kena bayar kepada insuran. Nampaknya negara kita seolah-olah kita bekerja begitu kuat untuk mencari keuntungan tetapi malangnya keuntungan itu habis dimakan oleh perkhidmatan oleh sebab Malaysia sendiri tidak mempunyai skim perkhidmatan daripada segi pengangkutan dan tidak ada membuat persediaan yang begitu rapi. Maka oleh sebab itulah seolah-olah seperti kita mahu menanam satu tanaman yang begitu baik gunanya tetapi belanja keuntungan barang yang hendak kita jual itu habis membayar tambang untuk kita membawa barang itu pergi ke pasar. Jadi di atas satu kelemahan yang begitu jelas kerana perbelanjaan tambang pengangkutan dan insuran yang begitu besar, saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan dalam pada kita melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat hendaklah mengkaji semula dan terus melaksanakan dan memperkuatkan kelemahan-kelemahan yang sedang berlaku dalam syarikat perkapalan kita yang ada sekarang. Syarikat Perkapalan hendaklah diperteguhkan dan hendaklah sesuai perjalanannya supaya keuntungan yang tersebut yang tercatat di dalam Rancangan Malaysia Keempat ini sejumlah besar dapat dinikmati oleh Syarikat Perkapalan itu sendiri.

Perkara yang kedua ini ialah masalah perkhidmatan daripada segi pembayaran insurans, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu perkara yang sedang berlaku di dalam negara kita sekarang iaitu terlampau banyak sangat Syarikat-syarikat Insurans yang besar-besar di dalam negara kita ini tidak diincorporated, tidak didaftarkan di Malaysia, tetapi banyak menjalankan perniagaan di Malaysia. Sebagai satu contoh yang saya dapat tahu ialah seperti Great Eastern. Great Eastern

Assurance yang kita tahu beribupejabat di Singapura dan mempunyai pejabat cawangan di Malaysia dan menggunakan satu dua orang Ahli Lembaga Pengarah orang yang ternama, mempunyai pengaruh yang terbesar di Malaysia ini, tetapi dari perniagaan seluruh Great Eastern di Malaysia dan Singapura 70% hasilnya adalah datang daripada Malaysia, boleh jadi segala perbelanjaan pejabat pentadbiran di Singapura itu ditanggung oleh apa yang mereka dapat untung di Malaysia. Maka sebab itulah apabila mereka mengeluarkan penyata tahunan cukup-cukup makan, tidak ada keuntungan dari segala jenis perniagaan yang mereka jalankan di Malaysia. Dan apa yang menyedihkan hati saya ialah baru-baru ini saya dapat tahu apabila Pengarah Insurans Malaysia memanggil Pengurus Besar Great Eastern yang bertempat di Singapura itu datang ke sini untuk hendak memberi beberapa penjelasan, Pengurus Besar ini boleh tidak datang, tidak sedikitpun memberi hormat kepada Pengarah Insurans yang di bawah Kementerian Kewangan. Jadi perkara ini saya minta Kerajaan siasat dan mengambil tindakan, kalau ini adalah merupakan satu 'insult' kepada Kerajaan kita bagaimana seorang Pengurus Besar Syarikat Insurans yang mempunyai pejabat cawangan di sini dipanggil oleh Pengarah Insurans kita, beliau ini tidak mahu datang, ignore, kenapa? Apakah kelemahannya dan siapakah yang ada di belakang perkara-perkara ini yang sedang berlaku, maka tidak hairanlah kita dalam Rancangan Malaysia Keempat segala perkhidmatan insurans ini kita banyak membelanjakan duit, nampak gambarannya begitu besar, tetapi apabila dibuka imbalan dalam Akaun Semasa kita masih lagi berkurangan sebanyak \$149 juta.

Dalam perkara ini dan saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan kita supaya kedudukan insurans di negara ini bertambah kuat dan kalau dapat diperkukuhkan ataupun diwujudkan Syarikat-syarikat Insurans yang ada mendapat pertolongan atau hubungan baik dengan syarikat antarabangsa, supaya faedah-faedah premium ataupun pembayaran yang dibuat oleh Kerajaan kita sewaktu kita menguruskan perdagangan eksport-import ini sejumlah besarnya dapat dinikmati oleh negara kita sendiri, walhal kita sahaja yang

banyak mengeluarkan dan membuat pembayaran. Perkara ini amatlah perlu sebab kita tidak mahu gambaran di luar nampaknya negara kita banyak mendapat keuntungan, tetapi keuntungan itu habis dibayar kepada perkara-perkara yang paling penting iaitu masalah perkhidmatan.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya minta ialah dalam perkara untuk hendak melaksanakan rancangan ini. Saya berasa sangat susah hati dan saya sangat tidak setuju komen yang dibuat oleh Ketua Parti Pembangkang iaitu kenapa beliau ini menekankan sangat hasrat Kerajaan kita hendak memperkuatkan pertahanan negara kita. Dalam Rancangan Malaysia Keempat, sejumlah besar hendak kita belanjakan bagi pertahanan negara dan dalam ucapan beliau disaat-saat yang akhir yang lebih daripada 20 minit mencaci dan mencari kesalahan dari segi perbelanjaan Kerajaan kepada Kementerian Pertahanan. Pada pandangan saya seolah-olah beliau ini menjadi alat penyambung lidah kepada sesuatu syarikat atau sesuatu badan sebab daripada quotations yang saya dengar, yang beliau sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini adalah pandangan-pandangan, catitan-catitan daripada majalah-majalah yang dicetak di luar negeri. Jadi dalam perkara ini saya sangatlah tidak bersetuju kepada pihak Ketua Parti Pembangkang mengapi-apikan keadaan menakut-nakutkan dan memberi satu pandangan seolah-olah kita ini akan membazirkan wang ringgit dan ini akan dianggap sebagai racun kepada pihak orang ramai. Dan cara-cara beliau mengemukakan itu sudah jelas berat sebelah dan tadipun beliau bangun setelah saya benarkan memberikan penjelasan dan dengan penjelasan yang beliau beri itu nampaklah yang beliau itu sendiri mengakui kesalahannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keempat, yang saya hendak bincangkan dalam masalah perkhidmatan ini ialah masalah pengetahuan sistem-sistem yang mana perkara-perkara yang dalam urusan perdagangan dalam negeri ini pihak bank tempatan sendiri tidak mempunyai ilmu pengetahuan ataupun tidak mempunyai pengalaman yang mendalam.

Pada pagi tadi saya dapat menemui seorang pegawai kanan bank tempatan dan beliau sendiri mengakui sebagai pegawai kanan bank tempatan ada dua perkara dalam Malaysia ini yang keseluruhan bank tempatan yang masih jahil lagi, terutama sekali dalam bidang perkapalan, yang kedua dalam bidang perfileman. Jadi kepada perkara ini orang yang kita harap, pihak pakar-pakar bank-bank tempatan ini sendiri mengakui yang mereka masih jahil. Maknanya apabila mereka ini jahil dalam kedua-dua jurusan ini, mereka tidak boleh memberi perkhidmatan kepada kehendak syarikat-syarikat yang menguruskan kedua-dua jurusan ini, jurusan perkapalan atau jurusan perfileman. Di sini jelaslah tiada kita hairan kenapa Syarikat Perkapalan yang diselenggarakan oleh Kerajaan ataupun yang diselenggarakan oleh badan-badan tempatan, oleh syarikat bumiputra banyak yang tidak mendapat perhatian kerana pihak bank sendiri tidak tahu oleh sebab perkara ini adalah satu perkara yang baru. Jadi dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kalau bank tempatan sendiri masih jahil dan perkara ini amat penting seperti tercatat di dalam buku bagaimana banyaknya kita belanja. Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan sendiri memulakan rancangan-rancangan ini dan orang yang mengepalainya dan kalau perlu dihantar orang-orang kita atau pegawai-pegawai Kerajaan kita membuat kajian dengan mendalam supaya apabila mereka balik mereka dapat memberi latihan. Ini perlu pihak Kerajaan membuat penyiasatan dan penyiasatan itu mestilah dilaporkan dan diambil tindakan, kalau perkara ini berterusan, apa yang kita takut nanti ialah hasrat dan niat baik Kerajaan itu akan gagal dengan sendirinya kerana kepakaran, kemahiran yang kita kehendaki itu jika ada kalau tidak mendapat pertolongan daripada pihak yang kita kehendaki bank itu bolehlah dianggap sebagai institusi kewangan yang paling penting untuk bahagian swasta mengambil bahagian dalam Rancangan Malaysia Keempat, kalau bank sendiri sudah jahil, jadi ceritanya amatlah susah dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kelima yang saya hendak bangkitkan ialah masalah

yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri yang dihadapi oleh masalah perumahan. Perumahan ini banyak kaitannya dengan keadaan di mana-mana negeri terutamanya pekan-pekan besar ialah masalah setinggian.

Saya perhatikan sekarang ini harga rumah makin bertambah mahal, makin bertambah naik dan kalau kita kaji, kalau kita pandang daripada mata kasar seseorang yang berpendapatan \$500 ataupun \$700-\$800 dalam keadaan sekarang boleh dikatakan imposible, tidak boleh langsung memiliki rumah berderet sebab rumah berderet sekarang ini harganya \$70,000-\$80,000; sudah terlampau mahal. Kalau orang yang berpendapatan rendah tidak usah sebutlah lagi. Maka sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara perumahan ini saya menyeru kepada Kementerian Perumahan sekali lagi supaya berserius dalam perkara ini, mengadakan satu rancangan raksaksa bagi mengatasi masalah perumahan yang dihadapi oleh rakyat jelata. Kalau hendak dibuat pun hendaklah dibuat dengan segera dan hendaklah dibuat secara yang cepat dan tersusun sebab saya ingat Dewan yang mulia ini telahpun meluluskan sistem ataupun pentadbiran pengeluaran geran secara tersusun ataupun yang dipanggil 'strata title' telah diluluskan beberapa tahun yang lalu tetapi perlaksanaannya terlampau lembab, penguatkuasaannya dipegang oleh Kementerian Perumahan dan perkara ini tidak berjalan.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya masalah yang dihadapi mengenai perumahan ini hendaklah diutamakan, selesaikan masalah setinggian di pekan-pekan seperti di dalam Wilayah Persekutuan ini. Kadang-kadang saya sedih ada agensi-agensi Kerajaan yang telah berjanji kepada kawasan-kawasan setinggian yang hendak membina rumah-rumah bertingkat 4 tahun yang lalu, sepatutnya telah siap 2 tahun yang lalu tetapi sampai sekarang tidak ada berbuat apa-apa lagi, sehinggakan harga pada zaman dahulu cuma satu unit \$18,000; sekarang sudah naik \$35,000 dan \$40,000. Di mana silapnya, Tuan Yang di-Pertua, orang ramai tidak mengetahui sebab

Perkara ini semuanya dipegang oleh pihak perancangan.

Saya perhatikan dalam pembentukan hendak mempercepatkan memberi kemudahan perumahan kepada orang ramai ini, kelemahannya yang sebenar ialah perancangan yang tidak tersusun dan saya mencadangkan perkara ini, perancangan hendaklah dibuat secara serentak iaitu perancangan hendaklah diadakan termasuk orang-orang yang bertanggungjawab untuk hendak meluluskan rancangan itu dibawa masuk dalam Jawatankuasa Perancangan. Sekarang ini saya perhatikan perancang membuat rancangan sampai ke atas, kemudian berbalik-balik. Jadi mereka ini hanya membuat kajian-kajian, inilah yang boleh melambatkan dan ini melengah-lengahkan masa dan kalau tidak betul-betul sistem ini boleh menggalakkan korupsi di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Jadi Kerajaan selama-lamanya dipersoalkan apabila datang pelaksanaan berlaku sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dua tiga perkara pandangan saya yang saya percaya dalam Rancangan Malaysia Keempat ini boleh dilaksanakan dan boleh dapat, saya fikir kita ada masa 4½ tahun lagi dan sekiranya yang terakhir sikap pegawai-pegawai Kerajaan juga perlu diekori dan disusun semula untuk menjayakan perkara ini. Saya berharap kalau sikap pegawai-pegawai Kerajaan yang kita menitikberatkan mereka ini sebagai jentera dan mereka pun baru-baru ini telah diberi beberapa kemudahan dan gaji mereka telah dinaikkan. Saya tahu sekarang ini ramai daripada pegawai-pegawai Kerajaan yang gajinya lebih besar daripada pihak pegawai-pegawai yang bekerja dengan swasta.

Saya mengalami ini dan saya tahu kerana saya duduk di dalam beberapa jawatankuasa menemuduga hendak memberi orang bekerja dalam agensi-agensi Kerajaan. Saya tengok dalam temuduga itu ramai pegawai-pegawai swasta sanggup meninggalkan kerja di pihak swasta yang gajinya lumayan juga, hendak bekerja dengan Kerajaan. Saya bertanya kepada mereka apa sebab, mereka mengatakan: sekarang ini layanan Kerajaan

terhadap pegawai-pegawai dan kakitangannya jauh lebih baik daripada swasta. Dahulu pegawai-pegawai kerajaan menyalahkan dan mengatakan swasta lebih baik, tetapi sekarang ini telah ada bukti. Kalau Kerajaan kita telah memberi kemudahan yang begitu baik kepada pegawai-pegawai dan kakitangan, saya percaya pegawai-pegawai dan kakitangan hendaklah juga mengubah sikap bekerja seperti pegawai-pegawai di bidang swasta. Janganlah pula kerana kenaikan gaji ini menjadi pula satu saluran menimbulkan perasaan irihati dan sebagainya sehinggakan tidak ada kerja lain di kalangan pegawai-pegawai Kerajaan, hendak memikirkan siapa yang hendak mendapat gaji lebih dan mulalah timbul macam-macam yang wujud di kalangan mereka sendiri. Inilah pandangan saya secara jujur dan ikhlas. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.46 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Terlebih dahulu saya perlu menyatakan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dengan sendirinya membawa usul ini di Dewan Rakyat pada minggu yang lepas.

Di sini saya perlu menyatakan bahawa saya adalah menyokong beberapa matlamat yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Keempat. Alasan-alasan yang lanjut saya akan berikan. Tuan Speaker, memang saya tidak boleh menafikan sepertimana yang dinyatakan dalam usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menghuraikan kemajuan-kemajuan dan kejayaan-kejayaan telah tercapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Memang ini benar kalau kita tinjau dari segi perangkaan yang dinyatakan atau termaktub dalam Rancangan Malaysia Keempat. Umpamanya KDNK (Gross Domestic Product) pada tahun 1970 dari \$123 billion telah naik kepada \$261 billion pada tahun 1980. Dari segi peluang pekerjaan yang dicipta dalam tempoh 10 tahun Dasar Ekonomi Baru ini ialah sebanyak 1,700,000 peluang kerja telah diadakan. Ini memang merupakan satu

kejayaan atau kemajuan. Juga dari segi kadar pengangguran, kita boleh lihat bahawa dari 7.8% pada tahun 1970 telah turun kepada 5.3% pada tahun 1980. Ini adalah satu angka yang perlu diperakui dan juga merupakan satu kemajuan dari segi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Kalau kita lebih dalam meninjau dari segi kadar kemiskinan, kita boleh dapati bahawa sepertimana juga termaktub dalam Rancangan Malaysia Keempat, umpamanya, kadar kemiskinan telah menurun dari tahun 1970 iaitu 49.3% turun kepada 29.3% pada tahun 1980. Masyarakat luar bandar kadar atau angka kemiskinan kita ikut turun dari 59% pada tahun 1970 turun kepada 38% pada tahun 1980. Memang ini adalah satu kemajuan. Juga di bandar, kadar kemiskinan turun dari 21% kepada 13%. Kesemuanya ini telah menunjukkan satu kemajuan.

Memang benar sepertimana yang dinyatakan dalam usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita termasuk dalam Rancangan Malaysia Keempat umpamanya dalam muka halaman 62 kita boleh lihat jadual yang berkenaan tentang pendapatan seisi rumah; kita boleh lihat pada keseluruhannya pendapatan seisi keluarga juga telah meningkat naik. Umpamanya, kaum Melayu, isi keluarga Melayu pada tahun 1970 ialah \$172 naik kepada \$309 pada tahun 1979. Kaum Cina ialah dari \$394 naik kepada \$659; kaum India ialah dari \$304 naik kepada \$467 dan juga orang-orang lain juga ikut naik.

Pada keseluruhannya ini adalah satu gejala yang baik yang menunjukkan kemajuan telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Tetapi kita perlu mengambil perhatian sepertimana yang dititikberatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah apakah kemajuan-kemajuan dan kejayaan-kejayaan yang dicapai sepertimana yang saya huraikan tadi ini sudah bererti bahawa kita telah mencapai kejayaan separuh dari matlamat Dasar Ekonomi Baru. Nampaknya jawapannya tidak. Kalau kita lihat keadaan pembentukan masyarakat Malaysia yang sebenarnya khasnya dari segi kehidupan rakyat Malaysia sehari-hari seperti mana yang selalu berlaku di bidang pelajaran,

ekonomi, kebudayaan, politik dan pertahanan negara kita.

Tuan Speaker, satu faktor, satu hakikat yang tidak boleh dinafikan oleh setiap rakyat Malaysia termasuk Kerajaan Barisan Nasional ialah kita masih gagal untuk menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang bangsa melalui pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru selama 10 tahun ini. Walaupun angka-angka sudah menunjukkan kemajuan sudah dicapai. Ini satu kejayaan yang cemerlang tetapi dari segi kehidupan rakyat Malaysia yang sebenarnya kita masih belum berjaya untuk menyatupadukan rakyat Malaysia kerana beberapa faktor yang mengakibatkan rakyat Malaysia kian berpecah belah. Ini sangat jelas menunjukkan atau boleh diperlihatkan dalam cara-cara pemikiran pemimpin-pemimpin politik atau rakyat Malaysia baik dari keturunan Melayu atau keturunan Cina atau lain-lain kaum.

Bila kita sebut perkara ini adalah berkait dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang mahu mencapai perpaduan rakyat atau perpaduan negara (National unity). Dari segi pelajaran, kita tidak boleh menafikan bahawa aspirasi dari masyarakat Cina atau dari bukan Melayu masih belum ditemui khasnya dari kemudahan persekolahan atau bahasa pengantar dan lain-lain aspek baik dari peringkat sekolah rendah baik hingga ke institusi pelajaran tinggi di Malaysia.

Baru-baru ini kita boleh lihat khasnya dalam Rancangan Malaysia Keempat dari Chapter pelajaran, kita boleh lihat hingga tahun 1980 ada seramai 40,000 pelajar-pelajar Malaysia adalah menuntut pelajaran tinggi di sebarang laut. Kaum Cina telah menduduki 60%. Ini sudah menunjukkan satu kekecewaan bahawa peluang-peluang bagi rakyat Malaysia masih tidak memajukan atau tidak mencukupi baik untuk kaum Melayu atau untuk kaum bukan Melayu khasnya masyarakat Cina sepertimana angka-angka yang dinyatakan. Saya tidak menuduh bahawa Kerajaan sudah menafikan semua peluang untuk rakyat Malaysia keturunan Cina atau keturunan lain untuk menuntut di universiti-universiti tempatan. Tetapi apakah sebabnya Kerajaan tidak boleh memperuntukkan satu perbelanjaan

pembangunan yang lebih besar untuk mencipta lebih peluang-peluang di universiti-universiti tempatan supaya semua rakyat tanpa mengira kaum boleh memperolehi peluang untuk menuntut pelajaran tinggi mereka tanpa lagi dikenakan apa-apa sistem qota yang dinyatakan.

Saya merasa kesal bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat satu kelemahan yang paling besar yang dilakukan oleh pihak Kerajaan atau pihak perancangan ialah jumlah rancangan untuk pelajaran dalam Rancangan Malaysia Keempat mengikut laporan ini banyak 6.7%. Kalau kita membandingkan angka-angka ini dengan negara-negara yang membangun atau negara-negara yang sedang membangun, angka ini sangat-sangat rendah. Sekiranya ada beberapa negara asing satu jumlah adalah dinyatakan dalam Perlembagaan Negara masing-masing untuk pelajaran. Tetapi saya tidak tahu apa sebab dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat hanya 6.7% dari jumlah perbelanjaan pembangunan Rancangan Malaysia Keempat yang diperuntukkan untuk bidang pelajaran dan latihan. Adakah Kerajaan sudah mengubahsuaikan dasarnya bahawa katanya pelajaran tidak begitu mustahak untuk mengeluarkan atau melatih satu generasi rakyat Malaysia yang berkonsep Malaysian Malaysia dan bukan lagi masih berkonsep bahawa mereka adalah menitikberatkan kepentingan kaum lebih daripada kepentingan nasional.

Sekarang saya fikir Kerajaan perlu mengubahsuaikan dasar untuk merancang Rancangan Malaysia Keempat khususnya dibidang pelajaran dan latihan. Pertama ialah Kerajaan perlu memberikan lebih banyak wang untuk menanam modal dalam bidang pelajaran supaya dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pelajaran tinggi tiap-tiap rakyat boleh dididik dengan diberi satu sistem pelajaran yang boleh mengeluarkan pelajar-pelajar yang berkesedaran kebangsaan yang berkonsep Malaysian Malaysia supaya mereka tidak lagi membeza-bezakan di antara satu sama lain mengikut garisan warna kulit atau mengikut kepercayaan keagamaan, atau mengikut taraf kemasyarakatan masing-masing. Ini adalah salah tetapi adalah Kerajaan sudah cukup memberikan titikberat atas aspek pelajaran

ini. Tetapi dari segi peruntukan, saya kata Kerajaan masih tidak memberi apa-apa titikberat atas pengeluaran rakyat Malaysia yang lebih Malaysian Malaysia dari segi pelajaran dan latihan.

Kedua, jika Kerajaan benar-benar serius mahu menjayakan rancangan industrialisation plan atau mahu menjayakan projek heavy industries seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam usul bila dibawa pada minggu yang lepas, saya fikir dalam bidang ini sangat mustahak iaitu dalam bidang latihan, pertamanya kita boleh menaruh satu sistem pelajaran dan latihan untuk mengeluarkan rakyat Malaysia yang berkemahiran umpamanya semi-skilled, full-skilled, high-skilled, apa-apa skill untuk disesuaikan atau diselaraskan dengan pelan industrialisasi. Jika tidak, kita ada heavy industries tetapi tidak ada skilled manpower untuk menjalankan kerja-kerja yang diperlukan oleh heavy industries maka bagaimanakah Kerajaan boleh mempasti dan menjayakan perancangan atau pelaksanaan perusahaan-perusahaan yang berat (heavy industries).

Di sini saya perlu menarik perhatian Kerajaan bahawa pada keseluruhannya perancangan pelajaran ini perlu diubahsuaikan dan peruntukan ini perlu ditambah sekurang-kurangnya 15% (at least 15%) bukan hanya 6.7% diperuntukkan kepada pelajaran dan latihan. Saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi satu penjelasan yang menyeluruh tentang sebab-sebab bahawa peruntukan sudah dikurangkan kalau dibandingkan dengan rancangan-rancangan pembangunan 5 tahun yang lepas. Memang kita tidak boleh kata bahawa kerana kita mahu menambah peruntukan perbelanjaan untuk pertahanan dan keselamatan maka perbelanjaan untuk pembangunan sosial dan pelajaran ini dikurangkan. Ini adalah satu kesilapan yang sangat serius yang dilakukan oleh pihak perancangan Kerajaan kita.

Tuan Speaker, dari segi pelajaran saya harap Kerajaan boleh menghormati aspirasi dan hak asasi rakyat Malaysia yang diperanakan di Malaysia sebagai warganegara Malaysia supaya semua rakyat

boleh menikmati peluang-peluang untuk mempelajari bahasa ibunda mereka, baik melalui kurikulum 3M atau melalui apa-apa sistem. Saya harap hak asasi ini perlulah dijunjung tinggi, hanya melalui aspek pelajaran ini kalau Kerajaan boleh lebih menitikberatkan atas keutamaan pelajaran untuk mengeluarkan rakyat Malaysia yang bersatu-padu, yang berkonsep Malaysian-Malaysia ini saya yakin Kerajaan akan berjaya untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan utama iaitu national unity. Saya harap segala kebimbangan dan kekhawatiran bolehlah dikikiskan melalui usaha-usaha Kerajaan yang lebih positif, yang lebih jujur supaya rakyat Malaysia boleh memberikan segala sokongan kepada Kerajaan untuk bukan sahaja mempertahankan kewibawaan, keutuhan negara kita dan juga untuk mempertahankan keselamatan negara kita.

Tuan Speaker, kalau kita mahu berjaya melaksanakan perusahaan-perusahaan, baik heavy industries atau industrialisation plan, saya yakin iklim pelaburan di Malaysia perlu diperbaiki. Memang syarat-syarat atau keadaan iklim pelaburan di Malaysia kalau dibandingkan dengan negara-negara yang sedang membangun Malaysia adalah lebih baik daripada negara-negara asing, tetapi ada beberapa aspek yang selalu menyebabkan satu penghalang untuk menggalak atau memperangsangkan iklim pelaburan foreign investment atau local investment ini di Malaysia ialah langkah-langkah yang diwujudkan di Malaysia walaupun ini adalah dikatakan berasaskan kepada Dasar Ekonomi Baru. Kalau boleh langkah-langkah yang menyebabkan paksaan ini boleh digantikan dengan langkah-langkah sebagai galakan (incentive) supaya bila pelabur-pelabur asing atau tempatan boleh memenuhi syarat-syarat ini maka satu sistem galakan (incentive) boleh diberikan. Jangan hanya melalui undang-undang paksaan seperti ICA dan lain-lain Akta yang berkenaan, ini adalah selalu merupakan satu penghalang untuk pelabur-pelabur asing akan datang untuk mahu beraktif dan untuk modal di Malaysia.

Saya harap perkara ini perlu diambil berat oleh Kerajaan dan juga dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan mengatakan

pihak swasta akan memainkan satu role yang sangat mustahak kerana 72% dari investment ini akan diduduki oleh sektor swasta. Kalau Kerajaan mahu menjayakan matlamat 72% ini saya yakin syarat utama ialah Kerajaan perlu lagi memperbaiki iklim pelaburan di Malaysia, baik melalui pindaan terhadap Akta-akta yang berkenaan atau mewujudkan beberapa sistem galakan (incentive) yang lebih menarik perhatian pelabur-pelabur asing. Memang satu tanda yang sangat baik bahawa hampir \$1,263 billion sudah ditetapkan sebagai matlamat untuk mahu menjayakan pelaburan ini dan kalau dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Ketiga lebih kurang pada 9% lebih tinggi daripada Rancangan Malaysia Ketiga. Kalau dari sektor penyertaan swasta ini satu tanda yang baik tetapi keadaan dan iklim pelaburan perlulah diperbaiki terlebih dahulu.

Tuan Speaker, sekarang saya akan sampai point mengenai pertanian, faktor yang juga ada berkaitan dengan kemiskinan. Kalau kita ada menghalusi keseluruhan Laporan ini kita dapati bahawa ada lebih kurang 963 keluarga dalam masyarakat pertanian ini sebanyak 46.1% adalah merupakan keluarga yang miskin, ertinya mereka hidup di paras kemiskinan. Kalau Kerajaan cuba mahu mengatasi masalah kemiskinan dalam masyarakat luar bandar, khasnya dalam masyarakat kaum Melayu dan masyarakat pertanian, maka saya yakin satu cara yang sangat berkesan untuk mengatasi kemiskinan ini, bukan sahaja untuk mengatasi kemiskinan iaitu juga mempermodenkan cara kehidupan atau mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat pertanian dan masyarakat luar bandar, kita boleh mempelajari contoh-contoh yang baik, umpamanya, di Taiwan, Korea dan Jepun mengenai agricultural reform and land reform, iaitu satu pembaharuan atau perubahan tanah dan pertanian secara radical. Saya yakin contoh-contoh yang sudah berjaya yang dijalankan di negara-negara yang saya sebutkan tadi bolehlah dipelajari oleh Malaysia kerana Malaysia pada hakikatnya adalah merupakan sebuah negara yang bercorak pertanian, ertinya sebahagian besar tanah Malaysia masih belum dibuka dan dibangunkan dan sebahagian jumlah

besar penduduk-penduduk Malaysia adalah di bidang pertanian dalam masyarakat luar bandar.

Maka salah satu cara yang saya fikir boleh menolong Kerajaan mengatasi atau menghapuskan kemiskinan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat atau dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru ialah kedua-dua matlamat serampang ini perlu dijalankan, iaitu pembaharuan (reform) tanah dan pertanian—land and agricultural reform yang sangat mustahak dijalankan, bukan sahaja untuk mempertingkatkan aktiviti pertanian, juga boleh mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduk-penduduk di luar bandar. Dengan cara inilah saya yakin kalau Kerajaan berani mengambil langkah positif ini menghantar delegasi ke negara-negara tersebut, saya yakin rancangan ini akan membawa satu faedah yang sangat besar kepada negara kita.

Saya harap Yang Berhormat Menteri Pertanian boleh mempertimbangkan dan mengkaji kedua-dua rancangan yang sangat berjaya dilaksanakan di Taiwan, Korea dan Jepun. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiripun ada menyaksikan apa sudah berlaku di dalam Korea sendiri dan saya sendiri juga ada menyaksikan apa yang sudah berlaku di Taiwan iaitu dari bidang land reform dan agricultural reform. Saya harap kedua-dua ini boleh dijalankan, sekarang ini di negeri Sarawak ada beberapa pakar pertanian juga ada dijemput dari Korea dan Taiwan untuk menolong memajukan perusahaan pertanian negara kita. Saya yakin kita perlu intensify usaha-usaha dalam bidang kerjasama ini.

Tuan Speaker, sudah sampai satu peringkat saya fikir kita perlu menitikberatkan pertahanan. Saya tidak menafikan bahawa memandangkan pergolakan dan perkembangan politik di rantau ini, negara kita sebagai negara yang kecil maka perlulah memperkukuh dan mempermodenkan atau memperlengkapan pasukan-pasukan keselamatan negara kita, termasuk kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan pertahanan negara kita. Sebab itu sebanyak 23% peruntukan dari jumlah perbelanjaan pembangunan dari Rancangan Malaysia Keempat telah

diperuntukkan untuk keselamatan dan pertahanan. Memang ini satu perkara yang perlu disambut baik tetapi saya perlu menarik perhatian Kerajaan bahawa sekarang kita hanya bergantung sebulat-bulatnya kepada pasukan keselamatan negara kita untuk mempertahankan kewibawaan dan keutuhan atau kemerdekaan negara kita, ini tidak cukup. Kita perlu mempelajari dari sejarah-sejarah secara moden, baik di barat atau di timur kita lihat, hanya dengan bergantung kepada kekuatan atau kemampuan pasukan-pasukan keselamatan negara kita ini tidak cukup untuk bagi Malaysia mempertahankan keutuhannya bila ada serangan dari negara asing, khasnya pergolakan politik di Asia Tenggara.

Saya harap Kerajaan boleh mengarahkan semua rakyat Malaysia menyertai dalam bidang pertahanan. Tiap-tiap rakyat perlu diberikan seperti dalam Private Members Bill yang pernah saya perkatakan, sekurang-kurangnya dua tahun latihan ketenteraan supaya tentera rakyat adalah berkemampuan untuk mempertahankan keutuhan negara mereka dan boleh dimobilisasikan bila tiba masanya ada emergency atau urgent. Kalau kita hanya bergantung kepada Pasukan Keselamatan, ini adalah merupakan satu kelemahan dalam dasar pertahanan negara kita.

Saya juga tidak mahu memperkecil-kecilkan kemampuan Pasukan Keselamatan kita tidak sanggup untuk mempertahankan negara kita bila ada serangan-serangan luar negeri, tidak; untuk membolehkan setiap rakyat Malaysia kerana saya fikir setiap rakyat Malaysia yang taat setia adalah perlu memikul tanggungjawab mereka untuk mengorbankan nyawa termasuk harta benda mereka demi keselamatan negara kita. Kalau mereka tidak diberikan latihan ketenteraan, maka bagaimanakah kita boleh expect rakyat untuk mempertahankan negara kita bila negara memerlukan mereka berdiri teguh di belakang Kerajaan atau berdiri teguh di belakang Pasukan Keselamatan negara kita.

Kalau kita boleh membelanjakan begitu banyak wang 23% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan maka apakah sebab Kerajaan tidak boleh mempertimbangkan sekali lagi cadangan saya

iaitu skim National Service untuk memperkuat pertahanan negara kita, untuk menjadikan setiap rakyat Malaysia sebagai askar yang boleh mempertahankan keselamatan dan kemerdekaan negara kita.

Saya fikir sudah sampailah masanya bagi kita mempertimbangkan cadangan yang kita sudah lama bincangkan.

Tuan Speaker, akhirnya saya perlu sebut dua tiga perkara yang saya fikir agak mustahak. Pertamanya ialah mengenai perkara yang berlaku di Pulau Pangkor dua hari yang lepas di mana ada dua bot perikanan telah ditahan dan kaum nelayan dipukul dengan serius hingga luka oleh anggota-anggota Pasukan Keselamatan negara kita. Dengan kejadian itu, saya adalah mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan boleh menjalankan satu open enquiry tentang perkara ini. Kerana saya sudah dua kali diberikan jaminan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pertahanan bahawa disiplin Pasukan Keselamatan negara kita iaitu tentera kita akan diperketatkan dan peristiwa di mana tentera selalu mengganggu dan mengancam keselamatan dan keharmonian kehidupan rakyat kita tidak akan berlaku lagi.

Tetapi saya berasa sedih peristiwa yang berlaku di Pulau Pangkor ini adalah melibatkan Pasukan Keselamatan kita iaitu Tentera Laut. Kalaulah kita mahu memberikan satu jumlah 23% di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk memperkuat kekuatan Pasukan Keselamatan negara kita tetapi dipihak yang lain Pasukan Keselamatan negara kita mencari kesalahan orang sahaja, kalau tidak didisiplin dan ditatertibkan, bagaimanakah kita boleh menyakinkan rakyat Malaysia bahawa Pasukan Keselamatan adalah bertanggungjawab untuk memperlindungi keselamatan, harta benda dannyawa mereka? Sebab itu peristiwa yang berlaku di Pulau Pangkor itu perlu diberi perhatian yang serius, dan satu open enquiry perlu ditubuhkan untuk menyiasat personnels Tentera Laut Di Raja Malaysia yang terlibat ini perlulah ditatertibkan dan juga satu jaminan yang kategori perlu diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

bahawa peristiwa-peristiwa ini tidak akan berlaku lagi. Jika tidak, ini akan sia-sia sahaja kita hanya memberikan satu jumlah perbelanjaan pembangunan untuk memperlengkapkan pertahanan negara kita. Tetapi kepada pihak yang lain tidak ada langsung disiplin dalam Pasukan Keselamatan negara kita. Ini sangat merbahaya.

Ahli Falsafah Sung Chier ada berkata kalaulah dalam tentera tidak ada disiplin, order tidak boleh dipatuhi, ertinya tidak guna kita ada satu Pasukan Keselamatan yang nampak bilangannya sangat besar tetapi tidak ada disiplin dalam Pasukan Tentera kita. Itulah saya mendesak Yang Berhormat Menteri Pertahanan selaku Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "to form an open enquiry immediately" atas perkara ini kerana ini bukan satu kes yang pertama berlaku, sudah berkali-kali berlaku baik di Kota Melaka, di Johor Bahru di mana saya ada bawa usul tergepar tetapi kita masih tidak dapat melihat jaminan ini dikotai.

Point yang kedua ialah mengenai peristiwa yang berlaku di Puchong iaitu keruntuhan tanah lombong dekat Puchong. Saya fikir kalau boleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh mengeluarkan satu arahan kepada semua Kerajaan negeri supaya semua lombong-lombong bijih timah yang ada di Malaysia menurut perangkaan Kementerian Perusahaan Utama lebihkurang ada 1,000 lombong di Malaysia. Saya harap semua lombong ini boleh disiasat keadaan keselamatannya supaya peristiwa atau trajedi seperti ini tidak akan tertimpa pada penduduk-penduduk atau pekerja-pekerja lombong.

Kalau mengikut angka-angka kita boleh lihat dari tahun 1965 hingga 1979 adalah 1,218 kes majikan lombong sudah dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan kerana dari segi keselamatan mereka tidak mematuhi. Di antara 1,218 kes ini ada 1,141 kes telah dijatuhkan hukuman, mereka adalah bersalah. Dari angka ini ada menunjukkan pihak majikan lombong tidak mematuhi langkah-langkah keselamatan. Contoh trajedi yang berlaku di Puchong adalah berkaitan dengan keselamatan dan kecuaiian pihak majikan untuk

memperindungi keselamatan kaum pekerja dan penduduk-penduduk yang tinggal di sekeliling kawasan itu.

Menurut rekod yang diberikan oleh Kementerian yang berkenaan, kita boleh lihat dalam masa 14 tahun ini seramai 328 nyawa sudah terkorban, ini tidak termasuk tahun 1980 enam kes di Puchong dan juga di Perak baru-baru ini lima orang yang termasuk dalam angka yang saya sebutkan tadi. Dari kedua-dua angka ini saya yakin kita boleh dapat satu kesimpulan iaitu kebanyakan trajedi yang berlaku di bidang perusahaan lombong ini adalah disebabkan kelalaian pihak majikan untuk menyediakan satu working environment yang selamat. Sebab itu perkara ini telah berlaku.

Tetapi kita perlu mempelajari pengajaran dari kejadian yang sangat pahit ini iaitu satu arahan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan ataupun dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri supaya tiap-tiap lombong di seluruh Malaysia ini perlu diperiksa semula dan disiasat, dan mana-mana satu lombong tidak mematuhi langkah-langkah keselamatan ini maka lebih baik lombong ini ditutup. Kita tidak mahu melihat lebih banyak lagi nyawa terkorban kerana kecuaiannya pihak majikan.

Akhirnya, Tuan Speaker, saya akan menyentuh satu perkara mengenai Dasar Ekonomi Baru. Saya harap Dasar Ekonomi Baru ini khasnya matlamatnya boleh dipatuhi sepertimana yang dinyatakan dalam usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Keempat, dalam halaman I iaitu bila kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru tidak ada mana-mana satu kumpulan, rakyat atau kaum akan mengalami kerugian atau merasa perampasan hak-hak asasi mereka.

Dalam bidang ini saya harap peristiwa yang berlaku di Kelang mengenai penulisan Bahasa Cina dalam papan tanda atau peristiwa yang berlaku mengenai UMBC, walaupun ini adalah persaingan politik di antara keluarga UMNO, tetapi saya harap Ketua Pemuda UMNO selaku Timbalan Menteri lebih perlu bertanggungjawab untuk mengeluarkan kenyataan-kenyataan. Kerana sekarang ini dia bukan seorang Ketua

Pemuda UMNO sahaja, dia juga sebagai seorang Timbalan Menteri Kerajaan Malaysia. Maka saya harap kenyataan yang dikeluarkan yang bercorak penyelewengan itu yang ada bertentangan dengan matlamat dan semangat Dasar Ekonomi Baru ini perlu diperhatikan supaya jangan ada satu lagi keadaan suasana perhubungan kaum yang genting akan berlaku lagi. Apa guna kita hanya mengapi-apikan imosi kaum untuk hendak memancing undi pada satu tujuan yang tertentu tetapi akhirnya rakyat sendiri akan merasa lagi dukacita, kerana apa yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Ketiga mengenai matlamat Dasar Ekonomi Baru ini di mana saya sokong sepenuhnya tetapi jangan ada berlaku penyelewengan dalam proses pelaksanaan.

Matlamatnya sangat baik, kalau kita halusi setebal 391 halaman lebih kurang 24 chapter, ada tiga babnya, saya harap semuanya boleh dipatuhi menurut matlamat-matlamat yang dinyatakan tetapi saya tidak mahu melihat lagi bahawa di dalam proses peringkat pelaksanaan apa yang dimaktubkan dalam Rancangan Malaysia Keempat berlainan dengan apa yang dijalankan. Perkara ini perlulah dibetulkan supaya hati-heart and mind of the people of Malaysia boleh dimenangi melalui janji-janji Kerajaan dan juga menurut matlamat yang termaktub dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Akhirnya sekali, Tuan Speaker, sebab ada masa lagi ialah mengenai masalah di Kementerian Kesihatan. Menurut rekod yang ada pada saya, tahun 1974 hingga 1978 ada seramai 127 pakar-pakar perubatan sudah meninggalkan perkhidmatan di General Hospital. Seramai 972 orang pegawai perubatan juga telah meninggalkan perkhidmatan perubatan di General Hospital Malaysia. Menurut angka yang diberikan sebenarnya Malaysia memerlukan seramai 265 pakar-pakar perubatan bagi tiap-tiap General Hospital yang ada di Malaysia tetapi jawatan yang telah diisikan hanya 129 sahaja, yang tinggal 136 kekosongan masih belum diisikan. Saya harap demi kepentingan kesihatan rakyat Malaysia, demi quality perkhidmatan perubatan Malaysia maka masalah-masalah doktor yang resigned daripada General Hospital atau pakar-pakar

perubatan yang tidak boleh diemployed, bolehlah diatasi dalam masa yang singkat ini.

Sekianlah sahaja, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Serai.

5.34 ptg.

Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan usul Kerajaan mengenai Rancangan Malaysia Keempat yang disokong oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari Jumaat, 27hb Mac, 1981 yang lalu.

Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat berdua dan rakan-rakan di atas kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga yang terbukti: Faedah daripada pelaksanaan dasar ini telah dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah berjaya meletakkan asas yang kukuh di dalam membina sebuah negara yang membangun ini. Buktinya dasar pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga diteruskan lagi ke dalam Rancangan Malaysia Keempat, dengan perangkaannya berpandukan kepada pengalaman-pengalaman dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang lalu, dan menaikkan aspek moral tenaga manusia, teknologi dan lain-lain yang akan digunakan dengan lebih berkesan lagi.

Saya berkeyakinan penuh seperti mana kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa Rancangan Malaysia Keempat boleh dilaksanakan dengan jayanya dan matlamatnya akan dicapai dengan penuh. Akan menghasilkan kesempatan dan penyertaan rakyat dan sektor swasta seperti yang telah disaksikan dalam tempoh yang lalu. Akan memperkukuhkan lagi bentuk ekonomi negara dan memulakan usaha-usaha yang lebih kukuh dan tujuan yang satu untuk mencapai matlamat-matlamat dan mutu hidup yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat dari Negeri Kedah maka saya berkewajipan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi peruntukan yang besar dalam Rancangan Malaysia Keempat dan telah mewujudkan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah bagi kawasan selain daripada kawasan MADA itu. Dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Keempat dalam tempoh masa 1981-1985 ini, inginlah saya menarik perhatian Kerajaan supaya perancangan dan pelaksanaannya kelak beroleh kejayaan yang lebih cemerlang. Patutlah Kerajaan lebih teliti dan tegas dalam semua bentuk programnya.

Penerangan dan penjelasan yang lebih luas patut diberi dan dimainkan oleh mass-media Kerajaan bagi menerangkan kepada rakyat, khususnya kaum bukan bumiputra dengan apa cara jua yang lebih intensif supaya mengelak daripada salah faham dan disalahgunakan oleh anasir-anasir anti Kerajaan dan anti Perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menarik perhatian dunia antarabangsa serta memelihara nama baik negara kita dan keyakinan mereka terhadap negara ini, perpaduan parti yang memerintah dan kepercayaan rakyat maka adalah elok kiranya para pemimpin Kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti yang memerintah tidak memberi kenyataan-kenyataan dan mencetuskan isu-isu yang melibatkan kepentingan negara, ekonomi, kebudayaan dan lain-lainnya secara terbuka dan hendaklah diselesaikan di peringkat parti yang memerintah khususnya Kerajaan bagi mengelak daripada terjejas dan terganggu pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Bagi bersama-sama hidup saling bantu membantu dan berganding bahu sesama rakyat dan menikmati secara adil serta bertolak ansur dalam usaha menyusun semula masyarakat selain daripada amalan Dasar Ekonomi Baru, maka penyertaan kaum bukan bumiputra hendaklah diberi dalam lain-lain aspek pembangunan seperti tanah dan pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin keutuhan ekonomi negara berdasarkan apa yang telah dibelanjakan untuk pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Keempat oleh Kerajaan untuk faedah rakyat, maka sumber pendapatan Kerajaan daripada saluran-saluran tertentu seperti jenis-jenis pungutan cukai dan hasil mahsul hendaklah diambil berat oleh Kerajaan supaya ianya benar-benar mendatangkan hasil seimbang dengan apa yang sepatutnya sebagai hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya harap dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat akan memberi faedah yang lebih kepada semua kaum di Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas.

5.35 ptg.

Tuan Racha Umong (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh mengenai Rancangan Malaysia Keempat yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia pada hari Jumaat, 27hb Mac, 1981 yang lalu di Dewan yang mulia ini.

Bahawa di sini saya ucapkan dengan setinggi-setinggi penghargaan di atas ucapan Yang Amat Berhormat itu kerana ianya merupakan bertujuan untuk berusaha dan lebih giat lagi untuk menghasilkan negara kita Malaysia pada masa-masa hadapan dengan terus meneruskan dengan berbagai-bagai projek pembangunan di bandar-bandar lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar seterusnya di kampung-kampung pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia dengan sememangnya telah wujud sebagai sebuah negara merdeka yang sedang membangun, yang sedang berkembang maju, ia juga mempunyai beberapa orang pemimpin kebangsaan yang disanjung. Kejayaan negara kita ini adalah hasil daripada usaha pemimpin-pemimpin tersebut. Salah seorang pemimpin yang kita paling sanjungi hingga hari ini kerana kejayaan usaha kerjasamanya dengan pemimpin-pemimpin yang lain untuk menghasilkan negara kita Malaysia dengan

projek-projek pembangunan ialah Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, iaitu Perdana Menteri Malaysia yang kedua dan seterusnya juga berasas dengan usaha-usaha Perdana Menteri yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bahawa contoh-contoh ini akan menjadi panduan untuk pemimpin-pemimpin negara kita yang harus diingati siang dan malam oleh setiap lapisan pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat mahupun pemimpin Kerajaan Negeri, seterusnya kakitangan-kakitangan Kerajaan pada keseluruhannya untuk melaksanakan serta memperkembangkan dengan berbagai-bagai projek pembangunan di seluruh negara kita Malaysia mengikut contoh-contoh yang dibuat oleh seorang pemimpin yang tersebut bijaksana itu kerana ia seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan demi kepentingan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa Malaysia juga adalah sebagai sebuah negara yang sedang membangun maka dengan sememangnya tidak terlepas daripada ancaman berbagai-bagai masalah sosio ekonomi. Satu daripada masalahnya itu ketara ialah masalah pertambahan penduduk yang pesat. Ini telah menimbulkan berbagai-bagai kesukaran. Sebenarnya ia menambahkan makanan untuk mendapatkan punca-punca makanan tambahan bagi keperluan penduduk-penduduk yang kian bertambah itu. Ini sebenarnya sangat merugikan sedangkan punca-punca makanan itu boleh digunakan untuk tujuan kemajuan dan pembangunan manusia sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk mengatasi masalah ini pihak pemerintah harus perlu melancarkan perancang keluarga secara menyeluruh yang lebih berkesan agar dapat mengurangkan kadar pertambahan penduduk tersebut. Sikap penduduk yang memandang sepi terhadap perancang keluarga perlulah diubah agar mereka dapat menerima dengan baik. Maka nasihat-nasihat dan tunjukajar-tunjukajar yang berkesan itu perlulah disampaikan ke peringkat pengetahuan mereka dengan sejelas-jelasnya. Maka ini akan dapat dicapai melalui alat-alat siberan am yang mana juga ada di

dalam kempen-kempen yang dijalankan dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dari hal penganggur. Pengangguran adalah satu lagi masalah sosio-ekonomi yang berlaku di negara kita ini maka masalah ini telah menjadi satu daripada masalah yang serius yang terus mengancam negara kita ini kerana tiap-tiap tahun ada beberapa pelajar-pelajar telah meninggalkan bangku sekolah dan kebanyakan daripada mereka terus menganggur buat beberapa ketika sahaja. Bahawa masalah ini jika tidak dapat diatasi dengan secepat mungkin maka dengan kemungkinan ia membawa negara ini ke ambang kemusnahan. Oleh yang demikian, sebelum ia terus mengancam negara kita ini haruslah langkah-langkah yang wajar perlu diambil kerana satu daripadanya penyelesaian yang paling serius ialah dengan mempergiatkan pelajaran-pelajaran teknik dan vocational, maka ini sangat penting bagi langkah-langkah yang menyeluruh. Jikalau tidak belia-belia kita yang menganggur itu akan beralih ke jalan kemusnahan dan terus mengancam negara yang kita cintai.

Tuan Yang di-Pertua, dari hal penagihan dadah adalah satu lagi masalah sosio-ekonomi yang wujud pada hari ini juga. Walaupun keadaannya belum begitu teruk tetapi jikalau dibandingkan dengan beberapa negara barat, namun ia cukup untuk kita menggambarkan tentang ancamannya kerana tidak kurang daripada 40,000 orang penduduk di negara ini yang terlibat dengan dadah. Maka angka-angka ini telah cukup untuk kita menilaikannya sebagai masalah sosio-ekonomi yang paling merbahaya tetapi masalah ini akan dapat diatasi oleh pihak Kerajaan dan rakyat umumnya dengan mengadakan pemeriksaan dengan amaran dan denda serta pengawalan yang lebih meluas. Maka dengan penyekatan seperti itu mungkin 100% akan tidak terjadi lagi.

Tuan Yang di-Pertua, masalah inflasi adalah merupakan satu lagi masalah yang saya anggap serius juga, kerana harga barang-barang kian meningkat naik maka ini pun boleh mengancam kehidupan rakyat lebih-lebih lagi rakyat yang berpendapatan rendah, kerana kemampuan rakyat untuk membeli barang-barang keperluan akan

berkurangan kerana akibat harga barang-barang yang kian melambung tinggi. Maka di dalam hal ini Kerajaan patut dan perlulah memberi subsidi kepada barang-barang yang penting dan melipatgandakan kadar pengeluaran bahan-bahan di seluruh negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan adalah merupakan satu lagi masalah yang wujud pada ketika ini, kerana lebih banyak lagi rakyat di Sarawak dan Sabah mahupun di Semenanjung Malaysia yang tidak mampu memiliki rumah sendiri disebabkan harga rumah terlalu tinggi. Untuk mengatasinya perlulah Kerajaan mengambil dayausahanya untuk membuka lebih banyak lagi tapak-tapak perumahan dan melancarkan pembinaan rumah harga murah agar setiap rakyat berpeluang memiliki rumah sendiri dan tanah sendiri dan agar setiap keluarga berpeluang hidup di dalam rumah mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit tentang lalulintas. Pada masa ini adalah merupakan satu lagi masalah yang begitu ketara terutama di bandar-bandar besar, kesesakan jalanraya-jalanraya semakin merebak maka ini boleh menimbulkan berbagai-bagai masalah yang terjadi di samping itu pencemaran udara juga berlaku akibat daripadanya. Untuk mengatasinya tidak lain dan tidak bukan melainkan langkah-langkah yang tegas perlu diambil tindakan dengan secepat mungkin oleh Kerajaan agar sistem lalulintas lebih teratur, selamat dan selesa. Masalah ini di kawasan bandar-bandar kecil juga berlaku, umpamanya Limbang dan Lawas dan sebagainya, jalanraya-jalanraya kebanyakan tidak dibubuh tar maka inilah yang selalu mengakibatkan kerosakan jalanraya dan kerosakan kereta-kereta bas dan teksi tidak dapat berjalan ke kampung-kampung pedalaman untuk menghantar penumpang-penumpang kepada keperluan harian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya banyak masalah sosio-ekonomi yang sedang berlaku di negara kita ini, kerana negara kita ini sebuah negara yang wujud di dunia ini maka kita tidak boleh lari daripada masalah tersebut, tetapi sebelum ia menjadi wabak

yang merbahaya, Kerajaan perlulah bersiap sedia untuk mengatasinya iaitu Kerajaan perlulah bekerjasama dengan pihak rakyat untuk berusaha mengatasi masalah-masalah tersebut.

Sekali lagi saya menyokong penuh peruntukan Rancangan Malaysia Keempat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Sarikei.

5.50 ptg.

Tuan Chieng Tiong Kai (Sarikei): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil peluang bagi menyokong penuh atas usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27hb Mac, 1981.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menitikberatkan masalah-masalah yang penting dan jadi dasar Kerajaan untuk dilaksanakan dalam lima tahun yang akan datang. Di dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan akan memberi \$43,000 juta untuk membangunkan negara kita di dalam semua bidang, saya harap rancangan ini akan meninggikan taraf hidup keseluruhan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan harus mengutamakan perkembangan kawasan-kawasan yang kurang maju seperti Sarawak adalah sebuah negeri yang di dalam keadaan ketinggalan. Sepatutnya dalam Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan Pusat harus memberi lebih banyak lagi bantuan dengan belanja untuk membangunkan negeri Sarawak. Jadi saya ingin menyentuh beberapa masalah yang penting di dalam Dewan yang mulia ini, saya harap pihak-pihak yang berkenaan akan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Yang pertama sekali saya ingin menyentuh sedikit dalam masalah ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sedang menghadapi masalah inflasi, harga barangan naik tinggi, golongan yang berpendapatan

rendah seperti petani-petani khususnya, pekebun-pekebun kecil kehidupannya akan semakin hari semakin sukar.

Sarawak adalah sebuah negeri yang menghasilkan lada hitam, koko dan kelapa. Baru-baru ini harga lada hitam, koko dan kelapa turun rendah sekali, tetapi harga ubat kimia dan baja naik tinggi. Saya harap Kerajaan akan menstabilkan harga-harga hasil tersebut dan Kerajaan harus menghapuskan cukai import serta memberi subsidi kepada baja dan ubat kimia.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Sarawak adalah sebuah negeri yang mempunyai tanah yang luas, tetapi kebanyakan rakyatnya tidak dapat mempunyai tanah untuk mereka menanam tanaman khasnya rakyat bukan bumiputra. Saya harap Kerajaan akan membuka lebih banyak lagi tanah untuk semua rakyat dan mentadbirkan dengan cara yang sesuai. Saya harap Kerajaan harus menggalakkan rakyat menghasilkan lebih banyak lagi pembekalan seperti padi, sayur-sayuran dan buah-buahan. Selain daripada itu Kerajaan harus memasukkan perkembangan skim-skim pekebun kecil untuk menanam getah, lada hitam, koko, kelapa dan padi di negeri Sarawak dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, perikanan di negeri Sarawak masih di dalam keadaan ketinggalan, nelayan-nelayan ialah segolongan yang sukar, perlengkapan-perengkapan perikanan masih kurang lengkap, harga disel pun naik tinggi. Saya harap Kerajaan harus memberi bantuan dan membina lebih lagi bilik sejuk, kilang air batu dan kemudahan-kemudahan di pelabuhan supaya memperbaiki taraf hidup.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah kerap kali berseru di dalam Dewan yang mulia ini kepada Kerajaan untuk memperbaiki lalulintas di negeri Sarawak kerana perkembangan lalulintas di Sarawak boleh dikatakan terlalu lambat, hingga hari ini masih belum ada sebatang jalanraya memperhubungkan semua Bahagian di seluruh negeri. Misalnya, sebatang jalan dari Semanggang ke Sibu telahpun dibina beberapa tahun yang lalu, tetapi masih belum jadi sebatang jalan tar. Di samping itu jalan-jalan luar bandar sampai hari ini masih

kebanyakan tempat-tempat belum ada jalan seperti di kawasan saya Sarikei dan Binatang masih ada beberapa jalan-jalan luar bandar sudah dirancang, tetapi masih belum dibina atau disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkembangan Lalulintas boleh memajukan pertanian dan mempercepat pembangunan sosio-ekonomi negara kita, maka saya berseru sekali lagi kepada Kerajaan Pusat menitik-beratkan masalah ini memberi lebih lagi bantuan dengan belanja dan tenaga yang mahir secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu pelabuhan-pelabuhan di negeri Sarawak belum lengkap. Misalnya Pelabuhan Sarikei di kawasan saya haruslah memuaskan kerana hasil bumi di kawasan saya itu telah semakin tahun semakin bertambah. Di Tanjong Mani, Sarawak sepatutnya harus dikembangkan menjadi satu pelabuhan air dalam kerana pelabuhan itu boleh memajukan perniagaan dan perindustrian untuk Bahagian Kedua, Ketiga, Keenam dan Ketujuh. Tentang pelabuhan itu saya harap Kerajaan akan mengkaji semula dan membangunkan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, tentang masalah perkhidmatan udara, oleh kerana Lalulintas Jalanraya di Sarawak masih kurang maju maka penduduk-penduduk di kebanyakan tempat terpaksa menaiki kapal terbang, tetapi kebanyakan lapangan terbang di bandar dan lapangan-lapangan terbang di luar bandar masih kurang lengkap. Saya harap Kerajaan harus meluaskan dan memperbaiki lapangan terbang yang penting seperti Sibu, Bintulu, Mukah, Limbang dan beberapa lapangan terbang di kawasan pedalaman. Selain daripada itu saya harap MAS dapat menggunakan pesawat terbang yang lebih besar untuk mengganti pesawat terbang BN yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah belakang elektrik, negeri Sarawak ada kekayaan potential kuasa hydro dan gas asli. Saya harap Kerajaan harus menggunakan sumber-sumber tenaga itu dengan sepenuhnya, dalam masa sekarang bekalan elektrik di negeri Sarawak masih di dalam keadaan ketinggalan. Kebanyakan kampung-kampung hingga hari ini masih belum dapat

menggunakan elektrik. Misalnya di kawasan saya Sarikei dan Binatang pengguna-pengguna elektrik masih terhad. Sepatutnya SESCO atau PBLs harus membesarkan kilang elektrik Sarikei dan mengembangkan satu sistem untuk bekalan elektrik kedua tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu bekalan air bersih. Mengikut matlamat Kerajaan semua rakyat akan dapat bekalan air bersih pada tahun 1990, tetapi di negeri Sarawak masih kurang pembangunan. Umpamanya di kawasan Sarikei dan Binatang air bersih hanya dibekalkan untuk bandar, tetapi dalam musim kemarau rakyatnya telahpun terpaksa menggunakan air masin. Saya berseru Kerajaan harus mempercepat pembangunan projek-projek yang sedia dirancang untuk memperbaiki bekalan air di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah perkhidmatan perubatan. Di negeri Sarawak kebanyakan daerah masih belum ada hospital yang lengkap. Umpamanya di kawasan saya penduduk-penduduk semakin hari semakin bertambah tetapi Hospital Sarikei masih kekurangan kelengkapan. Di daerah Binatang hanya ada sebuah klinik, jadi kebanyakan pesakit-pesakit terpaksa dihantar ke Hospital Sibu sejauh 78 batu dari Sarikei. Saya anggap Kerajaan harus memperbesarkan hospital-hospital tersebut. Di samping itu kawasan-kawasan pedalaman Kerajaan harus membangunkan lebih lagi klinik desa secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah pendidikan. Kelengkapan sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak masih kurang lengkap. Kebanyakan kampung-kampung masih belum ada sekolah rendah. Murid-murid terpaksa berjalan 2-3 batu ke sekolah. Saya harap di bawah Rancangan Malaysia Keempat Kerajaan akan mendirikan lebih banyak lagi sekolah rendah dan sekolah menengah serta memperbaiki sekolah-sekolah yang ada sekarang.

Selain daripada itu masalah kekurangan guru-guru di sekolah menengah Sarawak, saya menyeru pihak yang berkenaan memberi perhatian dan memperbesarkan

Maktab-maktab Perguruan yang ada sekarang untuk melatih lebih banyak lagi guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mohon menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Betong.

6.03 ptg.

Tuan Liben anak Kato (Betong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini pada hari Jumaat yang lalu.

Mula-mula izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah dapat menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga dan kini menyalurkan peruntukan wang yang begitu banyak untuk Rancangan Malaysia Keempat. Adalah sangat berguna dan manfaat kerana rancangan ini akan pasti melibatkan semua rakyat dan aspek hidup dan aktiviti-aktiviti rakyat negara ini. Harapan Yang Amat Berhormat itu tidaklah seharusnya kita abai-abaikan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang datang dari Sarawak memang tidak kita nafikan bahawa Kerajaan telah banyak membelanjakan wang untuk pembangunan negeri itu. Namun demikian banyak lagi yang harus dan perlu dilaksanakan. Perkara pertama yang ingin saya sentuh ialah kehidupan rakyat luar bandar. Sekarang harga bahan-bahan terutama seperti kelapa, koko, lada hitam dan lain-lain sangatlah kurang memuaskan. Di kawasan-kawasan luar bandar yang terletak di pinggir laut rakyat jelata bergantung ke atas kelapa dan koko, tetapi sekarang kehidupan mereka terancam. Saya merayu kepada pihak Kementerian Pertanian Persekutuan dan Negeri juga Kementerian-kementerian lain supaya mengambil langkah yang segera untuk menentukan supaya harga kelapa dan koko di samping bahan-bahan utama lain dapat dipulihkan.

Tuan Yang di-Pertua, perlu diingatkan di sini bahawa penyokong-penyokong Barisan Nasional yang taat, jujur dan boleh dipercayai ialah terdiri dari mereka yang tinggal di luar bandar. Oleh itu janganlah hendaknya pihak Kerajaan mensia-siakan harapan mereka. Pihak Parit dan Taliair hendaklah bergiat cepat supaya kebun-kebun kelapa dan koko mereka berdekatan dengan laut jangan dilanda banjir. Sekarang nampaknya projek-projek yang seharusnya dikendalikan oleh Jabatan Parit dan Taliair, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Pertanian Persekutuan dan Negeri berjalan begitu lambat, bak kata orang "Indah khabar dari rupa."

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, projek Bading atau parit dan taliair dari kawasan Nonok ke kawasan Sungai Sadong, Sarawak berjalan begitu lambat dan tidak memuaskan. Begitu juga jalanraya dari Sibu ke Miri dan jalanraya dari Kuching ke bandar Simunjan, juga jalanraya kecil dari Betong ke Ulu Lawar, ke Ulu Kabih dan dari Sepauh ke Kampung Bungir. Jalanraya kecil yang saya sebutkan tadi melalui kawasan tanah yang luas, subur dan sesuai untuk jenis tanaman seperti kelapa sawit, tebu, ubi kayu dan lain-lain.

Dari segi itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bolehlah kita menarik perhatian pihak Kementerian Pertanian Persekutuan supaya mendirikan sebuah kilang seperti kilang tebu, kilang ubi kayu ataupun mendirikan pusat latihan seperti Belia Peladang, Farming Training Centre, FELCRA dan sebagainya di tempat yang berpatutan. Maka dapatlah syarikat bumiputra berkembang maju untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan seterusnya meningkatkan lagi tingkatan pendapatan dan taraf hidup rakyat di luar bandar.

Kita semua sedia maklum bahawa banyak pemuda-pemudi kita yang tidak berjaya di dalam peperiksaan mereka dalam Tingkatan III, V dan sebagainya. Oleh yang demikian, pemuda-pemudi kita yang tersebut boleh berlatih di kilang itu sambil menahankan mereka mencari pekerjaan ke luar negeri. Juga supaya mereka itu tidak dipengaruhi oleh anasir-anasir jahat. Oleh itu, Tuan Yang

di-Pertua, saya merayu pihak Kerajaan supaya mengorak langkah baru untuk menjamin kecepatan perjalanan projek-projek ini supaya harapan rakyat bumiputra luar bandar tidak diabaikan.

Saya suka juga merayu pihak Kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan hospital-hospital daerah di Sarawak dan janganlah hendaknya membiarkan rakyat-rakyat luar bandar deprived of the facilities sepertimana juga orang-orang bandar, orang-orang luar bandar biasa mendapat sakit, pihak Kerajaan juga mesti berusaha untuk mengawasi supaya kekayaan negeri dan negara disebarkan seadil-adilnya kepada seluruh rakyat.

Negara kita juga negeri Sarawak kaya dengan bahan-bahan mentah seperti kayu-kayan, gas asli, petroleum dan sebagainya, namun demikian Kerajaan hendaklah menentukan kekayaan-kekayaan ini tidak dimonopoli oleh segelintir rakyat sahaja. Saya sedar juga bahawa dalam beberapa hal seperti Pertanian dan Jabatan Kerjaraya tanggungjawab adalah terbahagi, kedua-duanya adalah tanggungjawab negeri. Saya berpendapat supaya kuasa Menteri dan Kementerian Kerjaraya Persekutuan dipanjangkan ke Negeri Sarawak agar pembangunan dapat dilaksanakan. Begitu juga dengan FELDA, MARDI, RRI, PORLA dan lain-lain adalah baiknya agensi-agensinya dipanjangkan ke Sarawak.

Untuk bertindak ke arah ini hubungan yang benar-benar erat hendaklah wujud di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat. Menteri-menteri dari Kerajaan Pusat hendaklah lebih kerap melawat Sarawak dan memahami local problems dan local social activities. Dengan ini juga perselisihan faham dapat diselesaikan dalam suasana yang paling memuaskan. Setelah memahami local problems dan sebagainya barulah dapat peruntukan yang sesuai dan mencukupi dapat disalurkan. Sebagaimana kita sedia maklum, Sarawak adalah sebuah negeri yang luas, hutan besar; saya yakin hampir sebesar seluruh Malaysia, oleh kerana cara-cara memberi peruntukan sekarang ini berdasarkan capitacion grant system iaitu peruntukan berdasar jumlah penduduk. Ini bermakna peruntukan untuk pembangunan

adalah sama dengan negeri-negeri seperti Johor, Pahang yang mempunyai sama jumlah penduduk sekalipun luas kawasan adalah berganda-ganda lebih kurang daripada luas Sarawak. Saya mohon kepada pihak Kerajaan Pusat untuk mengkaji semula sistem memberi peruntukan kepada negeri-negeri supaya berasaskan kepada luas negeri itu dan dengan ini pembangunan jalanraya dan sebagainya di Sarawak dapat dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang harga barang-barang keperluan asas khususnya gula sebagaimana diumumkan oleh Kerajaan baru-baru ini telah naik. Malangnya ramai penduduk-penduduk luar bandar tidak mendapat penjelasan yang memuaskan mengenai kenaikan harga-harga bahan-bahan keperluan utama ini. Oleh itu, saya merayu Kerajaan supaya dalam usahanya mengubahkan tingkatan harga barang-barang terutama barang-barang keperluan asas, penjelasan yang berterusan hendaklah diberi kepada seluruh pengguna dan rakyat jelata supaya tidak timbul kekeliruan.

Pada hari ini aktiviti perampasan kapalterbang begitu berleluasa dan nampaknya menjadi satu cara bagaimana pihak-pihak pelampau bertindak ini membuktikan bahawa pemeriksaan di lapangan terbang tidak begitu ketat. Oleh itu sebelum perkara seperti ini berlaku semula di Malaysia, saya merayu pihak Kementerian Pengangkutan untuk meneliti keadaan di lapangan terbang kita supaya keselamatan penumpang-penumpang terjamin. Biarlah kita berjaga sebelum ianya berlaku. Untuk memaksa pihak Kerajaan tertentu mengikut kehendaknya, Malaysia memang telah menghadapi masalah ini yang melibatkan termusnahnya kapalterbang MAS Boeing 737 di Tanjung Kupang beberapa tahun yang lepas. Dalam perampasan kapalterbang DC-9 kepunyaan Indonesia baru-baru ini perampas-perampas telah berjaya memasukkan pistol, rifle dan sebagainya. Oleh itu saya harap semua ini diambil perhatian oleh Kerajaan. Saya menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kepong.

6.15 *ptg.*

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut menyokong usul Rancangan Malaysia Keempat yang telah dibentangkan pada Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn atas segala kejayaannya untuk mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat Malaysia yang bertujuan untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.

Laporan Rancangan Malaysia Keempat penuh dengan bukti, lengkap dengan statistik tentang kejayaan kita di dalam bidang ekonomi yang seharusnya telah menyumbang terhadap cita-cita kita untuk memperkukuhkan perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya penuh yakin kita akan terus berjaya di bidang ekonomi untuk menghapuskan sama sekali pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi menjelang tahun 1990. Di sini saya ingin mengingatkan Kerajaan betapa pentingnya juga peranan yang harus dimainkan oleh Kerajaan dan rakyat dalam bidang politik, sosial dan kebudayaan untuk menguatkan identiti serta menanam semangat kebangsaan dan cintakan tanahair di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Tanpa kejayaan di dalam bidang-bidang non-economy ini, kita janganlah mengharap untuk mencapai perpaduan negara dan seterusnya pembangunan negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penyertaan orang Melayu di dalam bidang sektor perlombongan, pembuatan, pembinaan dan pengangkutan telah meningkat dari 32% pada tahun 1970 ke 40% pada tahun 1980 dan saya yakin akan mencapai target 50% pada tahun 1990. Hakmilik dan penguasaan bumiputra di dalam sektor syarikat telah meningkat dari 4.3% pada tahun 1971 ke 12.4% pada tahun 1980. Saya juga yakin akan mencapai target 30% pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah penduduk-penduduk bumiputra di bandar telah meningkat dari 14.8% pada tahun 1970 ke 21.3% pada tahun 1980 dan akan terus

bertambah lagi pada masa hadapan. Dengan ini haruslah khasnya di Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan mengkaji semula berkenaan dasar-dasar perumahan, sosial dan juga untuk tempat-tempat rekreasi untuk penduduk-penduduk di Wilayah.

Haruslah juga apabila mengkaji Master Plan Wilayah kita ada satu rancangan di mana adalah lebih satellite townships di luar dari boundary Wilayah Persekutuan dan adalah satu mass transit system di mana penduduk-penduduk di satellite townships ini bolehlah menggunakan transport ini dan juga jikalau ada mass transit system ini masalah traffic jam pun pada pendapat saya boleh diatasi.

Lagi satu perkara yang sangat mustahak ialah jikalau kita decentralise housing zone dalam Wilayah Persekutuan, masalah sosial, khasnya di bidang dadah boleh dikurangkan lagi oleh kerana suasana (environment) di mana penduduk-penduduk ada kediaman bolehlah dinaikkan taraf lagi dan masalah-masalah setinggian boleh juga dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang bukan ekonomi pula walaupun tidak ada perangkaan untuk dijadikan bukti, saya berani mengatakan di sini kejayaan yang tercapai sehingga hari ini tidaklah setinggi kejayaan ekonomi dan saya juga tidak begitu yakin melainkan Kerajaan menjalankan usaha-usaha yang lebih tegas dan bermakna untuk memupuk perpaduan negara. Keadaan kejar-mengejar kebendaan (material) inilah telah melahirkan golongan-golongan pelampau yang menjalankan kegiatan-kegiatan menentang segala usaha perpaduan negara. Kerajaan harus mencari jalan untuk menyemaikan semangat cintakan tanahair melalui badan-badan seperti Rukun Tetangga, Perhubungan Masyarakat, RELA, PEMADAM dan Lembaga Perpaduan Negara dengan lebih berkesan lagi. Saya dapati badan-badan tersebut tidak mendapat perhatian yang cukup, kurang ko-ordinasi, kerja-kerja yang overlap, kurang kawalan dan masalah kekurangan wang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian-kementerian serta Jabatan-jabatan Kerajaan harus memberi lebih perhatian terhadap usaha-usaha badan-badan tersebut.

Nampaknya badan-badan tersebut dianggap macam tidak wujud sehingga menimbulkan perasaan frustrasi di kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa dan perasaan kurang kepercayaan di kalangan penduduk-penduduk. Jabatan Kerajaan harus adakan perhubungan rapat dengan badan-badan tersebut melalui ceramah, kursus-kursus kempen kebersihan, pesta sukan dan lain-lain. Saya sangatlah berharap badan-badan tersebut di Wilayah Persekutuan akan mendapat layanan yang lebih baik dari Kementerian Wilayah Persekutuan, Jabatan Kebajikan, Jabatan Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dan juga Kerajaan harus membentuk satu badan untuk mengkoordinasi badan-badan seperti Rukun Tetangga, Perhubungan Masyarakat, RELA dan PEMADAM serta mengawal kegiatan mereka untuk mengurangkan kerja-kerja overlapping yang sedang berlaku sekarang. Sebenarnya badan-badan ini harus bekerjasama dalam kegiatan mereka yang pada asasnya ditujukan terhadap kebajikan dan keselamatan rakyat. Badan-badan yang paling berhampiran dengan kehidupan seharian rakyat jelata harus mendapat bantuan kewangan yang lebih dari Kerajaan. Badan-badan inilah yang berkebolehan untuk memupuk semangat perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang bangsa melalui aktiviti-aktiviti yang boleh mendatangkan penghidupan bersama-sama rakyat jelata.

Tuan Yang di-Perua, berhubung dengan dadah saya inginlah di sini menyentuh berkenaan masalah kewangan. Ini ialah berkenaan kem PEMADAM di Sungai Besi. Saya merayu kepada pihak Perbendaharaan untuk cepat-cepat memberi wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan supaya rancangan yang mulia itu dapat berjalan dengan lancar.

Berhubung pula dengan organisasi rakyat seperti Rukun Tetangga dan Perhubungan Masyarakat, saya merayu kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk berhubung lebih rapat dengan badan-badan tersebut dan menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh menguatkan lagi identiti kebangsaan serta menanam semangat kebangsaan dan cintakan tanahair.

Berdasarkan prinsip yang berbeza latar belakang masyarakat Malaysia adalah sumber kekuatan rancangan-rancangan yang dapat mencungkil sepenuhnya kebajikan dan kejayaan warisan kaum-kaum yang berbilang agama dan kepercayaan harus digalakkan untuk memupuk semangat tolak-ansur, muhibbah, berbaik-baik antara satu sama lain, hormat-menghormati, bertanggungjawab terhadap tugas, kesetiaan kepada keluarga dan perasaan merendah diri. Pencapaian Kementerian ini setinggi 23.2% pada tempoh 1976-1980 seperti tercatat dalam buku laporan Rancangan Malaysia Keempat haruslah diperbaiki dan jumlah sebanyak \$80.2 juta yang diperuntukkan itu harus dibelanjakan demi perpaduan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga selaku Ahli Parlimen Kawasan Kepong, saya sangatlah berharap wang yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat akan disalurkan kepada kawasan-kawasan tertentu di dalam Wilayah, khasnya di Kepong yang sebenarnya telah lama ditinggalkan, iaitu lebih kurang 20 tahun dalam hal pembangunan. Jumlah wang \$2,160.99 juta untuk bekalan air di bandar haruslah digunakan untuk menyediakan lebih banyak lagi stand pipe untuk kawasan-kawasan kampung dan setinggan-setinggan di mana penduduk-penduduk dengan ramainya datang dari luar bandar.

Saya juga harap, Tuan Yang di-Pertua, peruntukan wang sebanyak \$500 juta untuk jalan-jalan JKR harus diberi keutamaan terhadap jalan-jalan di Jinjang yang belum pernah ditarkan lagi semenjak penubuhan kawasan Jinjang. Juga wang harus diberi kepada permohonan-permohonan untuk mengadakan jejambat di tempat-tempat seperti Selayang, Bulatan Jalan Kuching, simpang Jalan Utara, Jinjang Selatan dan di Jalan Sentul demi keselamatan pemandu-pemandu kereta dan khasnya keselamatan kanak-kanak yang menggunakan jalan-jalan kian sibuk itu.

Akhir sekali saya ingin menyentuh peruntukan wang sebanyak \$2,040.96 juta kepada projek pembangunan tanah FELDA. Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima pengaduan dari peneroka-peneroka Kota Gelangi II dan IV, Jerantut, Pahang yang

sedang mengalami kesusahan hidup tanpa mendapat sebarang layanan daripada majikan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat suka sambung besok lagi?

Dr Tan Tiong Hong: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, boleh sambung esok. Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 31hb Mac, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.